

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

“ If we fail in teaching Islam the proper way, we fail our children. If we fail them, we fail the Ummah” (Feryal El-Khaldi, 1998 : 21)

Pernyataan ini menunjukkan bahawa Pendidikan Islam yang berkesan terhadap anak-anak atau pelajar adalah sangat penting diberikan perhatian. Sehubungan dengan itu, maka seujarnyalah Pendidikan Islam diperkenalkan kerajaan di dalam sistem pendidikan kebangsaan bertujuan untuk meningkatkan kefahaman pelajar mengenai ajaran Islam. Generasi yang dididik dengan ilmu agama akan bebas daripada sebarang kekeliruan dan salah faham mengenai agama itu sendiri. Justeru itulah pembelajaran dan pelaksanaan Pendidikan Islam sering menjadi isu dan topik perbincangan serta perhatian para pemimpin negara kerana ia tidak boleh dipisahkan daripada pendidikan nasional.

Dasar Pendidikan Islam adalah merangkumi seluruh sistem berasaskan ‘aqīdah, syarī‘ah dan akhlak yang bersumberkan al-Qur’ān dan al-Sunnah (Wan Mohd Arifin Wan Kadir, 1994 dan Ghazali Darusalam, 2001). Ianya juga adalah suatu latihan atau bimbingan jasmani, rohani, akhlak dan sosial yang berpandukan ilmu di mana matlamatnya untuk melahirkan manusia yang baik dan sempurna dalam berbagai-bagai aspek kehidupan supaya dapat berbakti kepada Allah bagi mendapat kebahagiaan yang abadi di dunia dan akhirat. Ini dibuktikan dengan melihat kepada kejayaan dakwah Rasulullah s.a.w selama 23 tahun di Mekah dan Madinah yang berteraskan kepada tiga

dasar atau asas tersebut secara bersepada, berjaya menghasilkan masyarakat Islam yang berilmu, beriman dan bertaqwa (Abdullah Ishak, 1995).

Berdasarkan Akta Pelajaran 1961 Seksyen 36 (1) (Kementerian Pendidikan, 1979), mata pelajaran Pendidikan Islam merupakan satu mata pelajaran wajib dalam sistem pendidikan kebangsaan. Oleh yang demikian, pembelajaran pendidikan Islam mesti dilalui oleh setiap pelajar yang beragama Islam. Sehubungan dengan itu, pembelajaran Pendidikan Islam yang berkesan akan dapat memupuk minat pelajar terhadap mata pelajaran itu sendiri. Walau bagaimanapun, terdapat pelbagai faktor yang menyumbang kepada pembelajaran yang berkesan seperti kaedah pengajaran, keterampilan guru, pilihan kerjaya pelajar, nilai ekonomi mata pelajaran, penggunaan tulisan jawi dan faktor peranan dan perhatian ibu bapa. Di samping itu, faktor-faktor lain atau sampingan juga turut menyumbang atau menentukan minat pelajar kepada mata pelajaran Pendidikan Islam seperti motivasi, pengalaman guru, iklim atau lokasi persekitaran yang mapan serta media massa.

1.1 Pernyataan Masalah

Merujuk kepada perakuan 124 dalam Laporan Kabinet 1979, pendidikan agama Islam melalui mata pelajaran Pengetahuan Agama Islam adalah diwajibkan kepada semua pelajar sekolah yang beragama Islam sebagaimana yang termaktub dalam Akta Pelajaran 1961 Seksyen 36 (1) (Kementerian Pendidikan, 1979).

Mengikut Akta Pendidikan (1996) pula, Pendidikan Islam merupakan satu mata pelajaran teras yang mesti dipelajari oleh setiap pelajar sekolah bagi peringkat menengah

rendah dan menengah atas (tingkatan satu hingga lima), di mana ianya memberi penekanan kepada kemahiran ilmu dan penghayatan menguasai asas fardu ‘ain dan juga memahami fardu kifayah ke arah membina insan beriman, berilmu, beramal serta berakhhlak mulia.

Dalam konteks kurikulum Pendidikan Islam dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM), ianya telah dirancang dengan teliti serta dilakukan reformasi dan semakan semula mulai pada tahun 2000 di mana beberapa penambahbaikan telah dilaksanakan atas saranan Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 27 Januari 1999 (Kementerian Pendidikan, 2002), supaya ianya selaras dengan matlamat dan tujuan Falsafah Pendidikan Negara dan falsafah Pendidikan Islam itu sendiri. Sebagai satu alternatif pengajaran yang berkesan, segala tajuk-tajuk dalam mata pelajaran Pendidikan Islam disyorkan diajar secara bersepadu (integrasi) supaya dengan cara itu pelajar berupaya memahami, melaksanakan, berminat, berketerampilan dan cemerlang dalam menjalani kehidupan sebagai hamba Allah dan khalifah Allah yang berkesan.

Peruntukan waktu minimum bagi pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam peringkat menengah rendah adalah enam waktu seminggu ($3 + 1 + 2$) di mana satu waktu adalah empat puluh minit (Akta Pendidikan, 1996). Peruntukan waktu amali solat (satu waktu seminggu) perlu diisi dengan solat berjemaah dan tazkirah yang berkaitan dengan kehendak sukatan pelajaran. Manakala peruntukan dua waktu tambahan perlu digunakan untuk aktiviti-aktiviti memperkuuhkan penyampaian objektif kurikulum Pendidikan Islam termasuk penilaian Perkara Asas Fardu ‘Ain (PAFA). Bagi peringkat menengah, kurikulum Pendidikan Islam berdasarkan kurikulum semakan yang mengandungi tiga bidang pembelajaran iaitu Tilawah al-Qur’ān dan Hadis, ‘Ulūm Syar‘iyah yang

mengandungi tiga komponen iaitu akidah, ibadah dan sirah Rasulullah s.a.w serta Tamadun Islam dan yang akhir sekali bidang pembelajaran Adab Berteraskan Akhlak Islamiah (Kementerian Pendidikan, 2002).

Usaha kerajaan untuk memartabatkan dan memperkasakan Pendidikan Islam melalui sistem pengajaran dan pembelajaran serta kemudahan prasarana tersusun berjaya dilaksanakan dengan adanya kurikulum Pendidikan Islam yang mempunyai spesifikasi *tarbiyyah* Islam yang bermatlamat untuk melahirkan individu Muslim yang berakh�ak mulia dan mampu menghalang berlakunya sebarang kemungkaran.

Di samping itu, pihak Kementerian Pelajaran juga telah mengambil langkah untuk mewajibkan semua pelajar beragama Islam di sekolah rendah mempelajari jawi, al-Qur'ān, Bahasa ḤArab dan Fardu ḤAin melalui projek yang dikenali sebagai j-Qaf mulai tahun 2005, yang merupakan susulan daripada idea Perdana Menteri yang mahu melihat pelajar sekolah rendah khatam al-Quran sebelum menjelak kaki ke sekolah menengah (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2004). Pendekatan ini diyakini dapat memberi suatu anjakan paradigma kepada sistem pendidikan kebangsaan ke arah yang lebih baik serta menjadi wadah untuk membina tamadun melalui Islam Hadhari yang progresif, seimbang dan global dalam melahirkan insan *rabbānī* dan masyarakat *madanī* seiring dengan matlamat falsafah pendidikan negara.

Al-Abrashi (1976) menegaskan bahawa tujuan sebenar Pendidikan Islam adalah untuk mendidik pelajar supaya berakh�ak mulia, mendidik ruh supaya halus dan sempurna, mengasuh mereka melakukan yang baik, terhormat dan mulia, membiasakan diri dengan

adab-adab yang mulia seperti menjaga kebersihan, kesucian dan keikhlasan serta amalan-amalan yang berfaedah. Ini bertepatan dengan falsafah Pendidikan Islam KBSM iaitu:

Pendidikan Islam adalah usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Qur'ān dan al-Sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangun diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat (Kementerian Pendidikan, 2002:v).

Secara lebih mendalam, matlamat utama falsafah Pendidikan Islam adalah untuk menghasilkan muslim yang berilmu, beriman, berketerampilan, beramal soleh dan berakhhlak mulia berdasarkan al-Qur'ān dan al-Sunnah ke arah hamba dan khalifah Allah yang bertaqwa (Ghazali Darusalam, 2001).

Dalam persidangan Antarabangsa Pertama Pendidikan Islam yang diadakan di Mekah pada tahun 1977, di mana 313 orang ulama dan sarjana Islam dari 40 buah Negara telah hadir, merumuskan bahawa pendidikan dalam Islam bertujuan untuk melahirkan “manusia yang baik dan bertaqwa”, yang menyembah hanya Allah, mewujudkan tamadun berasaskan syarī'ah dan hidup tunduk kepada ajaran syarī'ah itu (Abdul Monir Yaacob, 2003). Kenyataan ini bertepatan dengan penegasan Syed Muhammad Naquib al-Attas (1999) bahawa “...*The end of education in Islam is to produce a good man...*”(hal. 22).

Namun begitu, terdapat banyak tanggapan serta dakwaan bahawa pembelajaran Pendidikan Islam kurang berkesan dan kurang diminati pelajar sehingga menyebabkan berlakunya gejala sosial dan jenayah melampau dalam era globalisasi dan digital masakini (Mohd Yusuf Ahmad, 2002; Ibrahim Ahmad Bajunid, 2003; Adnan Yusopp, 2003 dan Abdullah Abdul Rahman dan Mohamad Shaid Mohd Taufek, 1995). Masalah-masalah

keruntuhan akhlak dan pelbagai konflik serta kes sosial seperti seks bebas, lari dari rumah, pembuangan bayi, penagihan dan pengedaran dadah, ponteng sekolah, mengugut, menubuhkan kumpulan haram dan sebagainya di kalangan pelajar Islam sering di paparkan dalam media massa seperti dalam akhbar-akhbar utama negara sejak kebelakangan ini (Berita Harian, 20 Ogos 2003:B7; Berita Harian, 1 Januari 2004:8; Mingguan Malaysia, 4 Januari 2004:9; Utusan Malaysia, 23 Januari 2004:12, Berita Minggu, 25 Januari 2004:22 dan Berita Harian, 11 Mac 2004:14).

Sehubungan dengan itu, Zainal Abidin Hj. Abd Kadir (1995) berpandangan bahawa keberkesanan Pendidikan Islam amat bergantung kepada guru-gurunya yang diukur dan dinilai berdasarkan sejauhmana pelajar-pelajar yang dilahirkan mampu menghayati Islam dalam perlakuan dirinya dan juga berkebolehan menyelesaikan setiap masalah yang dihadapi. Justeru itu, guru-guru Pendidikan Islam yang dirujuk sebagai *murabbi*, *mu'allim*, *mu'addib*, *'ālim* atau *'ulamā'* berdasarkan kacamata Islam (Abdul Halim El-Muhammady, 1991:49) mestilah berkeupayaan sepenuhnya untuk menyampaikan pendidikan dan syiar Islam. Bagi mencapai matlamat tersebut, mereka perlu meningkatkan profesionalisme serta diberikan bimbingan dan kursus secara berterusan bagi memastikan mereka menyampaikan ilmu pengajaran Islam yang sebenarnya dengan baik dan penuh amanah.

Ini selaras dengan matlamat falsafah pendidikan Islam dan kehendak Bahagian Pendidikan Guru yang ingin melahirkan guru yang berakhlak mulia, berpandangan progresif, saintifik, menguasai penggunaan alat teknologi, bersedia menjunjung aspirasi negara serta warisan kebudayaan negara, menjamin perkembangan individu yang sihat dan

seterusnya menjadi masyarakat yang bersatu padu, demokratik, progresif dan berdisiplin (Ghazali Darusalam, 2001).

Pengabaian terhadap keperluan tersebut dan sikap sambil lewa pelajar semasa belajar serta kurangnya penghayatan nilai-nilai keislaman dengan mudah akan menjerumuskan mereka ke lembah maksiat atau gejala-gejala yang merosakkan akhlak serta boleh menjatuhkan maruah diri, keluarga dan agama. Ini semua berpunca daripada tiadanya benteng keimanan yang kukuh dan mantap di dalam hati mereka, ekoran tiadanya ilmu dan penghayatan nilai-nilai Islam. Dalam hal ini Allah berfirman dalam surah *al-Ankabut* ayat 45 :

أَتُلُّ مَا أُوحِيَ إِلَيْكَ مِنَ الْكِتَابِ وَأَقِمِ الصَّلَاةَ إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ

Maksudnya: “Bacalah serta ikutlah (wahai Muhammad) akan apa yang diwahyukan kepadamu dari Al-Quran, dan dirikanlah sembahyang (dengan tekun); sesungguhnya sembahyang itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar; dan sesungguhnya mengingati Allah adalah lebih besar (faedahnya dan kesannya); dan (ingatlah) Allah mengetahui akan apa yang kamu kerjakan.”

Banyak kajian telah dilakukan dalam usaha untuk menjelaskan sikap pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam seperti Nazri Hamid, (2000); Mohamad Sahari Nordin dan Hassan Langgulung, (1999); Fauziah Abdul Ghani, (1990) dan Kamilen Marzoki, (1989). Hasil kajian-kajian ini mendapat banyak sikap-sikap negatif pelajar terhadap pembelajaran Pendidikan Islam kerana kaedah p & p dan penyampaian yang kurang berkesan, penekanan kepada mata pelajaran bernilai ekonomi tinggi dan lemah dalam penguasaan jawi. Namun begitu, kajian berkaitan dengan faktor-faktor yang

mempengaruhi sikap pelajar terhadap pembelajaran Pendidikan Islam masih lagi berkurangan.

Justeru itu, memandangkan masalah pembelajaran Pendidikan Islam ini diberikan penekanan dan perhatian aktif oleh para pemimpin negara demi untuk melahirkan generasi Islam yang berkualiti dan serba boleh khususnya dalam era digital dan dunia unipolar yang mencabar masa kini, maka wajarlah kajian dijalankan tentang faktor-faktor yang mempengaruhi sikap pelajar terhadap pembelajaran Pendidikan Islam supaya hasrat tersebut menjadi kenyataan.

1.2 Tujuan Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk meninjau sejauhmanakah tahap faktor-faktor yang mempengaruhi sikap pelajar tingkatan dua terhadap pembelajaran Pendidikan Islam yang meliputi aspek-aspek berikut iaitu:

- 1.2.1 kaedah pengajaran dan penyampaian guru Pendidikan Islam
- 1.2.2 keterampilan guru Pendidikan Islam
- 1.2.3 aliran / pilihan kerjaya pelajar
- 1.2.4 nilai ekonomi mata pelajaran Pendidikan Islam
- 1.2.5 pengunaan tulisan jawi
- 1.2.6 peranan dan perhatian ibu bapa

1.3 Soalan Kajian

Sebagai usaha untuk mengenalpasti kedudukan dan tahap faktor-faktor yang mempengaruhi sikap pelajar tingkatan dua terhadap pembelajaran Pendidikan Islam, maka penyelidik berusaha untuk menjawab persoalan-persoalan berikut:

- 1.3.1 Sejauhmanakah faktor kaedah pengajaran dan penyampaian guru Pendidikan Islam mempengaruhi sikap pelajar terhadap pembelajaran Pendidikan Islam?
- 1.3.2 Sejauhmanakah faktor keterampilan guru-guru Pendidikan Islam mempengaruhi pelajar untuk mempelajari Pendidikan Islam?
- 1.3.3 Sejauhmanakah faktor aliran atau pilihan kerjaya seseorang pelajar mempengaruhi sikap mereka terhadap pembelajaran Pendidikan Islam?
- 1.3.4 Sejauhmanakah faktor nilai ekonomi sesuatu mata pelajaran mempengaruhi sikap dan minat pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam?
- 1.3.5 Sejauhmanakah faktor penggunaan tulisan jawi mempengaruhi sikap pelajar terhadap pembelajaran Pendidikan Islam?
- 1.3.6 Adakah faktor peranan dan perhatian ibu bapa turut mempengaruhi sikap pelajar terhadap pembelajaran Pendidikan Islam?

1.4 Kepentingan Kajian

Adalah diharapkan kajian ini dapat membantu pihak-pihak yang berkenaan ke arah mempertingkatkan tahap pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Kajian ini juga signifikan dalam mengenalpasti ciri-ciri yang perlu ada pada seseorang guru Pendidikan Islam supaya pelajar berminat untuk terus belajar. Kajian ini juga akan

membantu pelajar, guru dan pentadbir sekolah dalam menangani masalah pelajar yang lemah dalam mata pelajaran Pendidikan Islam.

Di samping itu, melalui penyelidikan ini akan dapat mengenalpasti kaedah-kaedah p & p yang sesuai dan terkini selaras dengan perkembangan era teknologi dalam usaha melatih bakal-bakal guru Pendidikan Islam. Begitu juga kepada pihak-pihak berkenaan yang membuat perancangan untuk mengatasi atau memperbaiki kelemahan-kelemahan tersebut seperti merangka dan memperkenalkan kaedah p & p yang berkesan setaraf dengan lain-lain mata pelajaran serta penggubalan kurikulum yang mengikut peredaran zaman dan keperluan dan perkembangan terkini seperti yang disuarakan oleh Y.A.B. Perdana Menteri sekarang.

Kajian ini juga penting untuk dijadikan landasan dalam menganjurkan kursus-kursus untuk guru-guru khususnya yang baru bertugas dalam usaha untuk meningkatkan profesionalisme, sahsiah diri serta bakat kepimpinan mereka terutama dalam menghadapi pelbagai karenah yang bakal ditimbulkan oleh murid-murid mereka. Begitu juga dalam memberikan peluang untuk melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi (IPT) dan pekerjaan yang sama kepada para pelajar daripada pelbagai aliran supaya tidak terlalu berbeza dengan mata pelajaran lain dari segi nilainya.

Penyelidikan ini juga signifikan dalam merintis jalan kepada penerokaan kajian-kajian lain dalam bidang Pendidikan Islam dari sudut, aspek atau perspektif yang berlainan.

1.5 Batasan Kajian

Kajian ini hanya terbatas kepada sebuah sekolah menengah kebangsaan harian (Bestari) yang mempunyai suasana sekolah, iklim, komposisi populasi guru, nilai dan budaya sekolah yang tersendiri. Sampel kajian adalah terdiri daripada pelajar tingkatan dua sahaja dari kelas rancangan khas (KRK), kelas aliran agama (CAA) dan kelas aliran biasa (KAB) yang dipilih secara rawak. Oleh itu dapatan kajian ini tidak sesuai untuk digeneralisasikan kepada sekolah, daerah atau negeri yang lain.

Pengkaji juga membataskan kajian kepada enam faktor sahaja yang mempengaruhi sikap pelajar dalam pembelajaran Pendidikan Islam iaitu kaedah pengajaran dan penyampaian guru, keterampilan guru, aliran / pilihan kerjaya seseorang pelajar, nilai ekonomi mata pelajaran Pendidikan Islam, penggunaan tulisan jawi dan faktor peranan dan perhatian ibu bapa.

1.6 Definisi Operasional

1.6.1 Sikap

Istilah sikap menurut Kamus Dewan membawa maksud perbuatan atau pandangan yang berdasarkan kepada sesuatu pendapat atau fikiran (Kamus Dewan, 2002). Menurut Bloom (1961), sikap pelajar terhadap sesuatu mata pelajaran dapat dilihat dalam bentuk tingkah laku, contohnya pelajar yang bersifat positif terhadap sesuatu mata pelajaran akan melakukan aktiviti dalam mata pelajaran tersebut tanpa dipaksa atau diarahkan oleh sesiapa.

Secord & Backman (1964) pula dalam bukunya ‘*Social Psychology*’ telah menafsirkan makna sikap sebagai fikiran, perasaan dan kecenderungan yang menjadi kebiasaan kepada seseorang untuk bertindak dengan alam sekitarnya.

Oleh kerana sikap adalah sesuatu yang abstrak memandangkan ia tidak dapat dilihat atau dirasai oleh pancaindera, maka sikap pelajar yang dimaksudkan dalam kajian ini boleh dikesan melalui perlakuan, tingkah laku dan kecenderungan (minat) sama ada positif atau negatif terhadap pembelajaran Pendidikan Islam. Menurut Jemaah Nazir Sekolah (1992), minat atau kecenderungan pelajar dapat dipupuk melalui kepekaan guru dalam menguasai strategi, kaedah, teknik, persediaan yang lengkap (*businesslike*), mempunyai sahsiah yang meyakinkan dan dapat mewujudkan iklim bilik darjah yang baik.

1.6.2 Pembelajaran

Pembelajaran menurut Le Francois (1982) merangkumi semua perubahan tingkah laku yang agak kekal yang dihasilkan melalui pengalaman. Zanden dan Pace (1984) juga mendefinisikan pembelajaran suatu perubahan yang agak kekal di dalam tingkah laku atau kebolehan yang dihasilkan melalui pengalaman. Ia merupakan suatu proses inferensi daripada perubahan-perubahan yang agak stabil yang berlaku di dalam tingkah laku seseorang individu lantaran interaksinya dengan persekitarannya.

Menurut Amir Awang (1986), pembelajaran mempunyai ciri-ciri atau kriteria seperti:

- a. Pembelajaran adalah suatu proses pengembangan kognitif, afektif dan psikomotor yang kompleks.

- b. Pembelajaran menghasilkan perubahan yang agak kekal dan stabil di dalam tingkah laku atau kebolehan seseorang atau sesuatu organisma itu.
- c. Perubahan ini hendaklah dihasilkan melalui pengalaman, latihan atau interaksi antara individu dengan persekitarannya.
- d. Perubahan-perubahan ini tidak semestinya yang boleh diperhatikan secara langsung. Adakalanya ia diinferensikan dari perubahan-perubahan tingkah laku yang boleh diperhatikan secara langsung.

Definisi-definisi di atas adalah menepati maksud pembelajaran dalam kajian ini, di mana pembelajaran yang berkesan adalah dipengaruhi oleh beberapa pembolehubah seperti keberkesanan guru dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab, faktor kemahiran, gaya pengajaran, sikap, sahsiah serta perlakuan mereka sebagai seorang pendidik (Rohaty Mohd Majzub dan T. Subahan Mohd. Meerah, 1993).

BAB 2

TINJAUAN KAJIAN BERKAITAN

2.0 Pendahuluan

Dalam bab kedua ini, pengkaji akan membincangkan mengenai kajian-kajian terdahulu berkaitan konsep sikap pelajar terhadap pembelajaran, kaedah pengajaran dan pemyampaian guru, keterampilan guru, aliran atau pilihan kerjaya pelajar, nilai ekonomi mata pelajaran, penggunaan tulisan jawi dalam proses pengajaran dan pembelajaran (p & p) Pendidikan Islam dan faktor peranan serta perhatian ibu bapa terhadap amalan dan penghayatan keagamaan anak-anak mereka.

2.1 Konsep Sikap Pelajar Terhadap Pembelajaran

Pemahaman tentang konsep sikap penting memandangkan kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi sikap pelajar tingkatan dua terhadap pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Islam. Dalam menyatakan konsep sikap, Gordon Allport (1935) dalam J.D. Halloran (1967) berpandangan ianya suatu kesediaan mental yang tersusun daripada pengalaman, mempengaruhi individu secara dinamik terhadap objek dan juga situasi yang tertentu. Manakala Daniel Katz (1960) menghuraikan sikap sebagai sesuatu yang mempengaruhi seseorang individu dalam memberikan nilai terhadap sesuatu simbol atau objek, atau aspek yang disukai atau tidak disukainya. Sikap juga melibatkan perasaan, kepercayaan dan pemikiran terhadap sesuatu objek. Ini bermaksud bahawa sikap adalah suatu nilai yang timbul daripada perasaan, kepercayaan dan pemikiran terhadap sesuatu objek, simbol atau aspek kehidupan individu.

Menurut J.D. Halloran (1967), sikap terdiri daripada tiga komponen utama iaitu pemikiran, kepercayaan, perasaan dan kecenderungan untuk bertindakbalas. Rokeach (1968) pula mendefinisikan sikap sebagai satu organisasi kepercayaan yang memfokuskan kepada satu objek tertentu atau kepada keadaan yang membuatkan seseorang itu cenderung untuk meminatinya.

Berdasarkan pengertian-pengertian tersebut, maka dapatlah dirumuskan bahawa sikap adalah satu proses mental yang bersifat fikiran atau perasaan atau tanggapan terhadap sesuatu objek atau aspek yang boleh mendorong seseorang itu bertindak ke atas sesuatu objek atau aspek tertentu. Lantaran itu sikap tidak dapat dilihat tetapi dapat dikesan berdasarkan perlakuan seseorang individu dalam kehidupannya.

Mager (1968) telah menyarankan empat pekara bagi menunjukkan pentingnya sikap terhadap pembelajaran iaitu:

- a. pembelajaran adalah untuk masa depan
- b. kemungkinan pelajar menggunakan segala pengetahuan yang dipelajari di sekolah banyak bergantung kepada sikapnya terhadap subjek yang dipelajari. Jika pelajar mempunyai sikap yang negatif, pelajar berkenaan mudah lupa tentang apa yang dipelajarinya dan perkara sebaliknya bagi pelajar yang mempunyai sikap yang positif.
- c. manusia mempengaruhi manusia. Para guru, rakan sebaya dan orang lain turut mempengaruhi sikap terhadap sesuatu mata pelajaran dan terhadap pembelajaran itu sendiri; dan
- d. salah satu objektif yang perlu dicapai oleh guru ialah memastikan murid-muridnya mempunyai sikap yang baik atau '*favourable*' terhadap mata

pelajaran yang diajar. Dengan cara sedemikian, pelajar akan sentiasa mengingati pelajaran dan dengan sendirinya akan berkeinginan mempelajari mata pelajaran berkenaan dengan lebih mendalam lagi.

Penyelidik mendapati banyak kajian telah dijalankan tentang sikap pelajar terhadap mata pelajaran-mata pelajaran. Baharuddin Jabar (1999) misalnya telah mengkaji hubungan sikap pelajar terhadap mata pelajaran Sejarah dengan pembolehubah-pembolehubah seperti jantina, bangsa, pencapaian mata pelajaran Sejarah dalam peperiksaan akhir tahun tingkatan empat dan pekerjaan bapa atau penjaga murid. Dapatan kajian mendapati jantina, pencapaian mata pelajaran Sejarah pelajar dalam peperiksaan akhir tahun tingkatan empat dan pekerjaan bapa atau penjaga pelajar tidak mempengaruhi sikap pelajar terhadap mata pelajaran Sejarah. Tetapi didapati bangsa telah mempengaruhi sikap pelajar terhadap mata pelajaran tersebut.

Mariam Zoolfakar (2003), dalam penyelidikan beliau tentang sikap guru dan pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Moral mendapati bahawa empat faktor yang mendorong sikap positif pelajar dalam meminati mata pelajaran tersebut iaitu faktor Pendidikan Moral mudah dipelajari, Pendidikan Moral penting dalam menjana disiplin diri mereka, Pendidikan Moral berguna dalam kehidupan seharian dan kaedah pengajaran Pendidikan Moral yang menarik.

Kamilen Marzuki (1989) telah menjalankan kajian terhadap 100 pelajar tingkatan dua, tingkatan empat dan tingkatan enam di sebuah sekolah menengah kebangsaan agama (SMKA) di Kajang. Dapatan kajiannya menunjukkan bahawa 75% daripada responden

benar-benar berminat dan bersedia untuk mempelajari Pendidikan Islam. Beliau berpendapat faktor minat pelajar penting bagi menjamin keberkesanan Pendidikan Islam.

Nazri Hamid (2000) pula telah merumuskan hasil kajian beliau berkaitan sikap pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam di dua buah sekolah menengah di Sabak Bernam. Keseluruhan sikap pelajar adalah positif terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam. Walau bagaimanapun, mata pelajaran Pendidikan Islam bukanlah mata pelajaran yang paling diminati oleh subjek kajian kerana 5% sahaja yang menyatakan bahawa mereka sangat berminat terhadap mata pelajaran tersebut.


Berhubung dengan konsep pembelajaran pula, terdapat banyak prinsip atau teori-teori yang sering disebutkan dalam penulisan dan kajian. Secara umumnya kesemua teori tersebut terbahagi kepada dua aliran utama iaitu aliran kognitif dan aliran tingkah laku / perkaitan (Amir Awang, 1986).

Teori-teori tingkah laku meliputi teori-teori pelaziman klasik Pavlov, Watson dan Gutherie serta diikuti teori-teori pelaziman operan Thorndike, Skinner Miller dan Dollard serta Bandura dan Walters. Teori-teori kognitif pula bermula dengan Piaget dan Gestalt, seterusnya teori-teori baru seperti Gagne, Ausubel dan Bruner.

Merujuk kepada faktor-faktor yang mempengaruhi sikap pelajar dalam proses pembelajaran pula, Walberg (1984) telah menggariskan sembilan faktor utama yang mempengaruhi pembelajaran dan boleh dibahagikan kepada tiga kategori seperti berikut:

1. Kecerdasan atau kebolehan (*aptitude*) iaitu:

- 1.1 kemampuan pelajar atau pencapaian terdahulu (*student ability or prior achievement*)
- 1.2 Motivasi atau *self-concept*
- 1.3 Umur atau *developmental level*
2. Pengajaran (*Instruction*), yang dikategorikan melalui;
 - 2.1 Jumlah masa atau kuantiti
 - 2.2 Kualiti pengajaran (*instruction*)
3. Faktor-faktor persekitaran, yang terdiri daripada:
 - 3.1 Persekuturan tempat tinggal
 - 3.2 Proses-proses kelas (*classroom processes*) atau iklim
 - 3.3 Rakan sebaya (*peer group*) di luar sekolah
 - 3.4 Media massa termasuk televisyen



Rajah 1: Model Faktor-faktor yang mempengaruhi pembelajaran murid
Sumber: Diadaptasi daripada tesis Nasir Khalid (1997:11).

Berdasarkan model Walberg (1984) sebagaimana yang ditunjukkan dalam Rajah 1 di atas, pembelajaran terdiri daripada komponen afektif (*affective*), tingkah laku (*behavioral*) dan kognitif. Perkara-perkara utama yang mempengaruhi pembelajaran adalah kecerdasan (*aptitude*), pengajaran (*instruction*) dan persekitaran. Ketiga-tiga faktor ini saling berhubungan atau berkaitan. Rajah 1 tersebut juga menggambarkan *causal* (perhubungan antara sebab dan akibat) yang mempengaruhi pembelajaran murid berdasarkan sembilan faktor Walberg.

Shahabudin Hashim & Rohizani Yaacob (2003) turut membincangkan tentang faktor-faktor yang mempengaruhi pembelajaran iaitu:

- Kesediaan pelajar untuk menjalani aktiviti pembelajaran tersebut sama ada dari aspek kognitif (berkaitan dengan peringkat perkembangan mental), afektif (sikap dan minat pelajar terhadap sesuatu sesi pembelajaran) dan psikomotor (kesediaan fizikal individu)
- Motivasi iaitu galakan dalaman pelajar untuk belajar mengikut kehendak sendiri
- Pengamatan iaitu proses mental melakukan segala aktiviti pemerhatian dan memberi makna terhadap setiap satunya
- Tanggapan iaitu suatu pembentukan konsep yang merupakan idea spesifik tentang objek, peristiwa dan fenomena
- Ingatan dan lupaan. Ingatan merupakan proses intelek yang menyimpan pengalaman secara mental dan dapat dikeluarkan apabila diperlukan. Manusia menjadi lupa pula mungkin kerana didedahkan dengan terlalu banyak maklumat
- Pemindahan pembelajaran

Berdasarkan kesemua aspek di atas, mereka merumuskan bahawa guru yang berkesan dapat menjadikan pembelajaran suatu sesi yang amat menyeronokkan dan hanya komitmen yang tinggi sahaja dapat membezakan antara guru yang baik dan yang tidak.

Sehubungan dengan itu, secara umumnya faktor kaedah pengajaran, keterampilan dan pengalaman guru didapati memberi kesan yang baik terhadap proses pembelajaran murid atau pelajar. Ini bertepatan dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh Mohamad Sahari Nordin dan Hassan Langgulung (1999) ke atas 118 orang guru pelatih di seluruh Semenanjung Malaysia bagi tujuan mengesan punca-punca pelajar kurang berminat terhadap Pendidikan Islam. Seperti yang dipersepsikan guru pelatih, dapatan kajian menunjukkan bahawa kurang minat pelajar tersebut adalah disebabkan antara lainnya, kaedah pengajaran kurang berkesan kerana berpusat kepada guru (*teacher-centred*), guru tidak memperlihatkan ciri-ciri keislaman yang sebenar, faktor buku teks dalam tulisan Jawi dan juga struktur kurikulum yang meletakkan mata pelajaran Pendidikan Islam diajar pada waktu akhir dalam jadual persekolahan. Menurut mereka berdua juga (Mohamad Sahari Nordin dan Hassan Langgulung, 1999), apa pun penjelasan yang diberikan, ia tidak dapat lari daripada faktor latar belakang guru sendiri dan keberkesanan alat-alat pengajaran yang digunakan.

2.2 Kaedah Pengajaran Dan Penyampaian Guru

Merujuk kepada Atan Long (1980), permulaan pengajaran boleh diumpamakan sebagai ‘hidangan pembuka selera (*appetizer*)’, manakala bahagian penyampaian pula merupakan hidangan yang sebenarnya (*main course*). Kalau selera murid-murid terhadap pelajaran yang hendak disampaikan sudah terbuka, maka usaha menyampaikan pelajaran itu sendiri

tidaklah sukar. Kenyataan ini menunjukkan betapa pentingnya kaedah pengajaran dan penyampaian yang berkesan daripada seseorang guru.

Ini bertepatan dengan pandangan Mohd. Yusuf Ahmad (2000), di mana sekiranya seseorang guru tidak mengetahui kaedah penyampaian atau kurang kemahiran dari segi teknik penyampaian, maka pendidikan menjadi kurang berkesan. Selanjutnya beliau (Mohd. Yusuf Ahmad, 2002) menegaskan walaupun sudah lebih 10 tahun nama Pengetahuan Agama Islam ditukar kepada Pendidikan Islam tetapi keadaannya sama sahaja, malah masyarakat mengatakan ia bertambah parah kerana melihatkan keruntuhan akhlak di kalangan pelajar Islam yang begitu hebat dewasa ini dan mengesyorkan supaya bidang penyampaian dan kaedah serta penghayatan Pendidikan Islam disemak semula.

Menurut Rosnani Hashim (1996) yang memetik pandangan Datuk Amar Dr. Sulaiman Daud, bekas Menteri Pendidikan yang menegaskan bahawa “*religious teachers are very knowledgeable in Islam but somehow, they are not teaching effectively and have made the subject less interesting to students*” (hal. 9). Seterusnya, beliau juga telah merujuk pandangan Dr. Wan Mohd Nor Wan Daud dari Institut Pemikiran dan Peradaban Antarabangsa Malaysia yang menyatakan bahawa komponen susunan pemikiran tinggi (*higher order thinking*) seperti analisis, interpretasi, sintesis dan kesepaduan merupakan aspek yang penting dalam konsep ilmu menurut Islam tidak diajar dalam sistem Pendidikan Islam. Kesannya, lepasan Pendidikan Islam tidak kreatif dan inovatif dalam mengemukakan idea untuk mengatasi masalah sosial yang berlaku kini di Malaysia.

Kementerian Pendidikan Malaysia dan Fakulti Pendidikan Universiti Putra Malaysia (1994) telah menjalankan kajian berkenaan dengan guru-guru Pendidikan Islam

di sekolah menengah kebangsaan di Semenanjung Malaysia yang melibatkan 21 orang penggubal dasar, 215 orang pengetua, 413 orang guru Pendidikan Islam dan 428 orang pelajar. Antara dapatan kajian mereka menunjukkan peratusan besar pelajar yang mengatakan mereka tidak berminat terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam kerana guru mengajar menggunakan “*chalk and talk*” dan tidak mempelbagaikan kaedah pengajaran. Selain itu hasil kajian ini juga mendapati bahawa guru kurang kemahiran mengawal kelas sehingga bising dan mengganggu proses pengajaran. Ini juga menjadi faktor mengapa pelajar tidak berminat terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam.

Justeru itulah, Zawawi Hj. Ahmad (1990) menegaskan bahawa guru seharusnya sentiasa memikirkan cara atau kaedah yang dapat mewujudkan suasana yang dapat menggerakkan pengajaran Pendidikan Islam di sekolah masing-masing.

2.3 Keterampilan Guru

Azizah Lebai Nordin (1999) telah memetik dapatan kajian Hopkins dan Stern (1996) yang telah mengenalpasti beberapa ciri guru yang berkesan yang berkaitan dengan keterampilan seseorang guru seperti berikut:

The key characteristics of high quality teachers highlighted by the study are: commitment, love of children, mastery of subject didactics and multiple models of teaching, the ability to collaborate with other teachers, and capacity for reflection (Hopkins & Stern, 1996:501 dalam Azizah Lebai Nordin, 1999:174).

Dapatan kajian Rohaty Mohd Majzub dan T. Subahan Mohd. Meerah (1993) juga telah merumuskan faktor keterampilan termasuk sahsiah dan tingkah laku pendidik seperti mesra, bertimbangrasa, peramah, toleransi dan bertanggungjawab sebagai mempengaruhi

proses pembelajaran. Menurut mereka lagi, faktor sosio-emosi dan intelek dalam diri individu berinteraksi untuk mewujudkan iklim pembelajaran yang positif.

Begitu juga pandangan Atan Long (1980), bahawa seseorang guru perlu menunjukkan sifat-sifat sahsiah yang tertentu yang digemari oleh murid-murid sebagai pemimpin atau pembimbing yang berkesan seperti berikut:

1. mempunyai emosi yang stabil dan mental yang sihat
2. mempunyai badan yang sihat dan sahsiah yang dinamik
3. mempunyai kecerdasan otak yang lebih tinggi daripada kebanyakan orang
4. mempunyai sifat kreatif, imaginasi dan akal ikhtiar
5. bertatatertib, bertimbangrasa, mempunyai simpati dan bijaksana dalam menghadapi masalah
6. sabar
7. jujur dan ikhlas
8. tegas
9. menepati masa dan kebolehan untuk mengurus
10. mempunyai sikap yang positif dan menggalakkan
11. memberi bimbingan yang demokratik
12. menjaga status ikhtisas perguruan

Merujuk kepada pandangan Syed Ali Ashraf (1997) dalam satu artikel berjudul “*What makes a good teacher of religious education*”, beliau menekankan bahawa matlamat Pendidikan Islam adalah untuk memupuk, memperkasakan dan memperhalusi penghayatan keagamaan di kalangan pelajar. Justeru itu, sangatlah perlu bagi seseorang yang mahu menjadi seorang guru yang baik dan berkesan dalam Pendidikan Islam

mempunyai keyakinan yang teguh kepada Allah. Orang yang kurang keyakinan kepada Allah boleh memberikan maklumat yang betul tentang agama Islam tetapi tidak mampu sama sekali membangkitkan atau memperhalusi penghayatan agama di kalangan pelajar, meskipun beliau seorang pakar kemanusiaan yang baik (*good humanist*). Seseorang pakar kemanusiaan yang baik mungkin berperikemanusiaan dalam mengendalikan situasi, tetapi tidak berupaya untuk menyedarkan respon kerohanian yang mesti diperolehi oleh pelajar menerusi Pendidikan Islam.

Aspek kedua yang ditekankan oleh beliau adalah seseorang guru mesti memiliki bukan sahaja ilmu yang terperinci tentang keagamaan tetapi kefahaman yang menyeluruh tentang unsur-unsur kebenaran yang terdapat di dalam agama Islam (Syed Ali Ashraf, 1997). Berdasarkan dua ciri atau aspek di atas, beliau telah merumuskan bahawa guru Pendidikan Islam yang baik berjaya membangunkan kaedah pengajaran yang mengajak pelajar memasuki dimensi yang berlainan secara teori dan praktikal dengan hati, jiwa dan minda mereka.

Al-Aroosi (1992) mengatakan bahawa guru Pendidikan Islam seharusnya mempunyai dua kualiti yang besar iaitu yang pertama, keupayaan akademik dan intelek; iaitu pengetahuan yang mendalam tentang sains Islam dan budaya Islam. Yang kedua, mereka seharusnya pula mempunyai keupayaan akhlak serta merealisasikannya supaya boleh dicontohi oleh para pelajarnya.

Kinnany (1992) pula berpandangan bahawa guru yang baik benar-benar memahami mata pelajarannya, dapat menyampaikannya kepada pelajarnya dengan cara yang menarik agar terserap dengan semangat keislaman. Ini bertepatan dengan pendapat

Ghazali Darusalam (2001) bahawa guru Pendidikan Islam bukan sahaja berperanan sebagai *mu'allim* (pengajar dan penyampai), tetapi harus juga menjadi seorang *nāqib*, *murajji'*, contoh teladan dan mursyid dalam usaha ke arah pembentukan *insān kāmil*.

Jika seseorang guru menjaga keterampilannya khususnya sebagai guru Pendidikan Islam, maka tidak timbulah kritikan paling ketara sebagaimana yang dijelaskan oleh Rosnani Hashim (1996) bahawa lepasan Pendidikan Islam tidak menonjolkan kesepadan personaliti sebagai seorang muslim yang ideal.

Mohd Nasir Khalid (1997) pula dalam tesis kedoktorannya telah menjalankan kajian tentang faktor yang mempengaruhi pencapaian Matematik ke atas murid-murid berumur 12 tahun seramai 1395 orang daripada 16 buah sekolah kebangsaan (8 buah di kawasan bandar dan 8 buah lagi dari kawasan luar bandar) di dalam empat buah negeri di Malaysia. Hasil kajian beliau juga mendapati bahawa guru yang baik adalah seorang yang berpengetahuan tentang subjek-subjek dan berupaya mengajar dengan berkesan kepada semua jenis pelajar.

Dapatan kajian beliau juga, (Mohd Nasir Khalid, 1997) merumuskan bahawa petunjuk penting pencapaian murid dalam Matematik adalah keyakinan (*confidence*) dalam pembelajaran Matematik, status sosioekonomi, kepercayaan gender, hubungkait kejayaan kepada guru, motivasi, keceriaan, persekitaran yang setara, lokasi sekolah, kepercayaan etnik dan pencapaian Matematik sebelum ini. Jelasnya seseorang guru memainkan peranan yang kritikal terhadap kejayaan pelajar di dalam pencapaian Matematik, walaupun seseorang guru tidak berupaya menukar pembolehubah demografi pelajar seperti status ekonomi dan lokasi sekolah. Oleh itu, jelas bahawa hanya ada

beberapa perkara di mana seseorang guru boleh lakukan untuk meningkatkan prestasi pelajar di dalam Matematik seperti menyediakan bantuan yang sepatutnya serta tunjuk ajar kepada pelajar, mempunyai rancangan pelajaran yang menarik di mana pelajar akan berasa seronok dengan tugas Matematik dan memotivasi pelajar-pelajar untuk meningkatkan kemahiran-kemahiran mereka dalam menyelesaikan masalah-masalah Matematik.

Selain itu, sebagaimana pandangan Ghazali Darusalam (2001), bahawa dalam mengendalikan p & p Pendidikan Islam bagi murid-murid di semua peringkat persekolahan, kebolehan jasmani dan kemampuan nafsan mereka perlu juga diambil kira di mana perkembangan, kebolehan dan kemahiran mereka berbeza-beza dari segi peraturan dan pengetahuan. Ini bertepatan dengan saranan Rasulullah s.a.w dalam sebuah hadis baginda seperti yang dinukilkkan oleh Al-Abrashi (1976 :31):

نَحْنُ مَعَاشِرُ الْأَنْبِيَاءِ أَمْرَنَا أَنْ نَنْزِلَ النَّاسَ مَنَازِلَهُمْ وَنَكْلِمُهُمْ عَلَىٰ قَدْرِ عُقُولِهِمْ

yang bermaksud : “Kami para Nabi telah diperintahkan untuk menurunkan (wahyu) kepada manusia menurut kemampuan (peringkat) mereka dan berkata kepada mereka menurut kadar kemampuan akal mereka” ataupun sebagaimana yang disebutkan oleh Saidina Umar Al-Khattab dalam Mohd Yusuf Ahmad (2002:8) :

خَاطَبُوا النَّاسَ عَلَىٰ قَدْرِ عُقُولِهِمْ

yang bermaksud “ berkatalah dengan sesuatu kumpulan manusia mengikut kadar kemampuan akal mereka”.

2.4 Aliran / Pilihan Kerjaya Pelajar

Faktor aliran atau pilihan kerjaya juga mempengaruhi sikap pelajar terhadap sesuatu mata pelajaran. Ini dapat dibuktikan berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh Hargreaves (1967) yang mendapati bahawa penjurusan aliran akan mempengaruhi pandangan guru juga pelajar atau murid terhadap kepentingan dan kedudukan serta taraf sesuatu aliran itu. Ini bermakna dapatan ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar yang berada dalam aliran tertentu akan memfokuskan perhatian terhadap mata pelajaran-mata pelajaran dalam aliran mereka.

Fenomena ini bertepatan dengan pandangan Rosnani Hashim (1996) yang dipetik seperti berikut:

“There has been a growing tendency among students to focus on the ‘secular’ subjects instead of the religious subjects, whether in the national, the state, or the rakyat religious secondary schools. This is a potential problem for the future of Islamic Education in the country” (hal. 73).

Beliau selanjutnya mengambil pandangan Pemangku Pengarah Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia pada masa itu yang mengatakan bahawa:

“... our biggest headache now is to get religious teachers among our own graduates from religious school... This is because most of the pupil who left the schools in pursuit of higher education, comeback with degrees fit for other highly-paid professions such as doctors, engineers and accountants” (hal. 73).

Kenyataan ini jelas menyokong pandangan kedua-dua pengkaji di atas yang menegaskan bahawa sikap pelajar terhadap sesuatu mata pelajaran adalah dipengaruhi oleh faktor aliran atau pilihan kerjaya mereka.

2.5 Nilai Ekonomi Mata Pelajaran

Fauziah Abd Ghani (1990) telah mengkaji persepsi pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam mengikut status sosioekonomi keluarga. Sampel kajiannya terdiri daripada 98 orang pelajar tingkatan satu, tingkatan dua dan tingkatan empat di sebuah sekolah menengah di Petaling. Hasil kajiannya mendapati pelajar-pelajar daripada status sosioekonomi rendah mempunyai sikap yang positif terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam. Kesimpulan kajian beliau juga mendapati bahawa pelajar menganggap mata pelajaran Pendidikan Islam terpaksa dipelajari, bukannya sebagai mata pelajaran yang diminati. Sejak awal lagi pelajar tidak mempunyai sikap yang baik terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam, dan hal yang sedemikian telah mempengaruhi minat mereka.

Beliau juga mendapati bahawa ibu bapa dari status sosioekonomi yang tinggi hanya menekankan kepada anak-anak mereka supaya memberi tumpuan kepada mata pelajaran yang dikatakan mempunyai nilai ekonomi yang tinggi dan boleh membantu anak-anak mereka melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi atau membantu dalam mencari pekerjaan yang baik. Pandangan terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam adalah rendah dan mereka tidak menggalakkan anak-anak mereka mengambilnya sebagai satu mata pelajaran yang penting di sekolah (Fauziah Abd Ghani, 1990).

Sidek Baba (2004) dalam satu pembentangan kertas kerja seminar telah menyokong dapatan kajian tersebut di mana beliau menegaskan ada orang yang berpendapat bahawa pendidikan agama, nilai dan etika tidak memberikan nilai ekonomi. Justeru itu hanya subjek-subjek yang relevan dengan keperluan pasaran kerja dan

perkembangan industri sahaja yang lebih diutamakan dalam menghadapi persaingan global.

2.6 Penggunaan Tulisan Jawi

Menurut satu laporan daripada Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia (1985), tentang kedudukan mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah menengah di Malaysia menunjukkan bahawa 40% daripada bilangan responden kajian yang terdiri daripada guru sekolah berasrama penuh menyatakan bahawa kelemahan murid dalam membaca dan menulis jawi merupakan satu faktor yang menimbulkan masalah dalam pengajaran Pendidikan Islam. Ini bertepatan dengan dapatan kajian Amin Mohd Rashid (1990) dan Muhamad Endut (1992) tentang masalah pengajaran Pendidikan Islam di mana penggunaan tulisan jawi merupakan satu daripada masalah yang utama yang perlu dihadapi.

Isahak Haron & Hassan Basri Awang Mat Dahan (1994) pula pernah menjalankan kajian terhadap guru-guru Pendidikan Islam peringkat sekolah menengah di Semenanjung Malaysia mengenai penguasaan dalam tulisan jawi. Dapatan kajian mereka berdua telah mengenalpasti kelemahan dalam menguasai pembacaan dan tulisan jawi di kalangan pelajar merupakan masalah yang membawa kepada beberapa masalah lain di dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Menurut guru-guru Pendidikan Islam yang terlibat dalam kajian tersebut, sebanyak 70% daripada pelajar Islam tidak tahu membaca dan menulis jawi. Ini merupakan masalah kepada pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Islam. Pelajar juga turut mengakui bahawa mereka tidak dapat menguasai tulisan dan bacaan jawi.

Berdasarkan penyelidikan yang telah dijalankan oleh Sarin Talib (1995), masalah kelemahan penguasaan tulisan jawi di kalangan pelajar memberi implikasi yang begitu besar sekali dalam seluruh proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Islam. Pelajar yang tidak tahu membaca dan menulis jawi pastinya tidak akan dapat membaca buku-buku teks Pendidikan Islam kerana semua buku-buku teks Pendidikan Islam ditulis atau dicetak di dalam tulisan jawi. Kesulitan untuk membaca dan menulis jawi mendatangkan kesukaran kepada pelajar untuk membuat rujukan. Justeru itu, pelajar akan merasakan mata pelajaran Pendidikan Islam begitu susah dan situasi ini akan mengurangkan minat mereka terhadap mata pelajaran ini. Oleh itu tidak hairanlah sekiranya pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Islam tidak menyeronokkan pelajar atau murid untuk terus belajar.

Hasil kajian Sarin Talib (1995) didapati bertentangan dengan dapatan Nik Rusila (1997) yang telah menjalankan kajian tentang penguasaan jawi dan hubungannya dengan pencapaian dan minat pelajar dalam Pendidikan Islam ke atas 200 orang pelajar tingkatan dua dan 200 orang pelajar tingkatan empat di sebuah sekolah di Shah Alam dan Kuala Lumpur. Dapatan kajian beliau menunjukkan sama ada pelajar itu lemah atau sederhana atau baik dalam penguasaan jawi, minat mereka terhadap Pendidikan Islam tidak begitu tinggi. Beliau juga menyatakan bahawa pengajaran guru Pendidikan Islam tidak begitu berkesan dan tidak begitu menarik minat pelajar sama ada pelajar baik, sederhana atau lemah dalam penguasaan jawi.

2.7 Faktor Peranan Dan Perhatian Ibu Bapa

Faktor peranan dan perhatian ibu bapa dalam mempengaruhi sikap pelajar terhadap pembelajaran sesuatu mata pelajaran sememangnya tidak dapat dinafikan sebagaimana pandangan Michael G. Fullan : “*The closer the parent is to the education of the child, the greater the impact on child development and educational achievement*” (1992:227).

Sehubungan dengan itu, Mohd. Hamidi Hj. Abdul Hamid (2002) menegaskan bahawa ibu bapa berperanan dan bertanggungjawab untuk membantu kecemerlangan pendidikan anak-anak walaupun anak-anak mereka menerima pendidikan formal di sekolah. Hubungan darah, perasaan dan ikatan yang erat menjadikan seseorang ibu atau bapa itu sebagai unsur yang sentiasa mempengaruhi kehidupan dan sikap anak-anak mereka. Oleh itu, ibu bapa berkewajipan untuk memberikan motivasi, bimbingan dan bantuan serta mewujudkan iklim pendidikan sama ada secara formal atau tidak melalui strategi dan kaedah tertentu termasuk tindakan, percakapan, tingkah laku, isyarat dan sebagainya.

Pandangan tersebut bertepatan dengan dapatan kajian Kamarizan Ya (2000) berhubung faktor-faktor yang mempengaruhi amalan harian Pendidikan Islam pelajar-pelajar di mana faktor ibu bapa didapati mempengaruhi pelajar dalam amalan harian Pendidikan Islam kerana seorang kanak-kanak umpama kain putih yang perlu dicorakkan oleh ibu bapanya sebagaimana yang dijelaskan dalam satu maksud hadis Rasulullah s.a.w. Ini kerana didikan agama yang sempurna akan menjadikan seseorang anak itu salih, berperibadi mulia, mematuhi syari’ah, menjadi warganegara yang bertanggungjawab serta dapat menghadapi cabaran hidup dan menyelamatkan diri daripada terjerumus ke dalam

pelbagai gejala keruntuhan akhlak seperti yang berleluasa dewasa ini (Md. Hashim Hj. Yahaya, 1987; Akhlaq Hussain, 1987 dan Amran Kasimin, 1993). Sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud: “*Dosa yang paling besar yang akan menimpa ibu bapa di akhirat nanti ialah dosa membiarkan anak-anak mereka jahil serta buta agama*” (Md. Hashim Hj. Yahaya, 1987:33).

Dalam konteks ini, ibu bapa perlulah berperanan dan menjadi model yang soleh kepada anak-anak dengan menghayati dan mengamalkan ajaran Islam yang sebenar. Sikap bertanggungjawab ibu bapa dalam memberi didikan agama terhadap anak-anak serta mengambil berat terhadap amalan dan penghayatan keagamaan mereka boleh mempengaruhi sikap mereka terhadap pembelajaran Pendidikan Islam itu sendiri. Ini bertepatan dengan anjuran Islam dalam satu firman Allah yang berbunyi :

يَتَبَّعُهَا الَّذِينَ عَامَلُوا قُوَّا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِكُمْ تَارِخًا

yang bermaksud: “*Wahai orang yang beriman! Selamatkanlah diri kamu dan anggota keluarga kamu daripada api neraka*” (*Surah al-Tahrim*, ayat 6).

2.8 Rumusan

Berdasarkan perbincangan sorotan-sorotan kajian di atas, jelas menunjukkan bahawa banyak faktor yang mempengaruhi pelajar dalam proses pembelajaran. Kaedah pengajaran dan pembelajaran (p & p) yang terkini dan berkesan misalnya didapati sangat mempengaruhi minat pelajar di samping faktor keterampilan seseorang guru itu sendiri khususnya dalam pembelajaran Pendidikan Islam. Faktor aliran atau pilihan kerjaya pelajar dan nilai ekonomi mata pelajaran juga di dapati tidak kurang peranannya dalam

mempengaruhi minat pelajar semasa belajar sesuatu mata pelajaran. Bagi mata pelajaran Pendidikan Islam juga, penggunaan tulisan jawi merupakan satu faktor yang menimbulkan masalah dalam pembelajaran dan prestasi pelajar. Begitu juga dengan perhatian ibu bapa dan sikap mengambil berat mereka terhadap amalan dan penghayatan keagamaan anak-anak yang didapati menjadi satu faktor yang turut mempengaruhi sikap pelajar dalam pembelajaran Pendidikan Islam.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pendahuluan

Dalam bab ini, pengkaji akan membincangkan aspek-aspek berkaitan metodologi atau kaedah penyelidikan yang akan digunakan seperti pemilihan peserta penyelidikan (subjek kajian), rekabentuk penyelidikan, strategi persampelan dan instrumentasi. Selain itu ianya turut menjelaskan prosedur pengumpulan dan penganalisisan data.

3.1 Rekabentuk Penyelidikan

Kajian ini merupakan satu kajian penerokaan berbentuk penyelidikan deskriptif dengan menggunakan pendekatan tinjau siasat (*survey*) yang dijalankan untuk melihat serta menilai kedudukan dan tahap faktor-faktor yang mempengaruhi sikap pelajar tingkatan dua terhadap pembelajaran Pendidikan Islam di sebuah sekolah menengah kebangsaan di dalam daerah Gombak, Selangor. Rekabentuk tinjauan ini digunakan kerana difikirkan paling sesuai untuk mendapatkan maklumat data daripada sampel dalam populasi yang besar jumlahnya sebagaimana pandangan Mohd. Majid Konting (1994) bahawa kaedah tinjauan adalah sesuai digunakan dalam penyelidikan yang bermatlamat untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku. Kaedah tinjauan ini akan melibatkan pengumpulan, penjadualan dan penganalisisan data-data berdasarkan instrumen kajian iaitu kaedah soal selidik.

3.2 Sampel Kajian

Pemilihan sampel kajian dibuat secara rawak ke atas seramai 146 orang pelajar tingkatan dua dari sebuah sekolah menengah kebangsaan di Selangor. Pengkaji memilih pelajar tingkatan dua sebagai sampel kerana mereka belum lagi diasingkan kelas mengikut penjurusan aliran sebagaimana pelajar tingkatan empat dan bukan daripada pelajar dalam tahun peperiksaan. Pengkaji memilih sebuah sekolah menengah di daerah Gombak sebagai sampel kajian bertujuan untuk memudahkan pengkaji mendapat hasil kajian yang lebih menyeluruh kerana sekolah tersebut mewakili pelajar-pelajar daripada pelbagai aliran iaitu Kelas Rancangan Khas (KRK), Kelas Aliran Agama (CAA) dan Kelas Aliran Biasa (KAB).

3.3 Instrumen Kajian

Penyelidikan ini menggunakan alat ukur selidik yang telah digubal sendiri oleh penyelidik. Soal selidik bagi kajian ini adalah seperti yang ditunjukkan dalam lampiran 1. Ianya terdiri daripada dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B di mana taburannya diringkaskan seperti di dalam Jadual 1. Bahagian A mengandungi 12 item berkaitan dengan maklumat demografi atau latar belakang responden. Antara soalan-soalan yang terdapat dalam bahagian ini ialah soalan bertanyakan tentang jantina, keturunan, pekerjaan ibu bapa, pencapaian akademik ibu bapa, pelajar tinggal dengan siapa semasa bersekolah, bilangan jam mengulangkaji mata pelajaran Pendidikan Islam di luar waktu persekolahan, markah Pendidikan Islam pelajar dalam Peperiksaan Pertengahan Tahun tingkatan dua dan dengan siapa pelajar berharap dapat bekerja selepas tamat pengajian. Bahagian B pula mengandungi 36 item soalan-soalan kajian meliputi enam faktor yang mempengaruhi

Jadual 1 : Taburan Item Dalam Senarai Soal Selidik

| Bahagian | Elemen | Item (Nombor) | Bil |
|-----------------|--------------------------|----------------------|------------|
| Bahagian A | Nama kelas | 1 | 1 |
| | Jantina | 2 | 1 |
| | Keturunan | 3 | 1 |
| | Tempat tinggal | 4 | 1 |
| | Pekerjaan bapa | 5 | 1 |
| | Pekerjaan ibu | 6 | 1 |
| | Tahap akademik bapa | 7 | 1 |
| | Tahap akademik ibu | 8 | 1 |
| | Tinggal dengan siapa | 9 | 1 |
| | Masa mengulangkaji | 10 | 1 |
| | Markah peperiksaan | 11 | 1 |
| | Bekerja dengan siapa | 12 | 1 |
| Bahagian B | Kaedah p & p | 1-6 | 6 |
| | Keterampilan guru | 7-12 | 6 |
| | Aliran / pilihan kerjaya | 13-18 | 6 |
| | Nilai ekonomi | 19-24 | 6 |
| | Tulisan jawi | 25-30 | 6 |
| | Faktor ibu bapa | 31-36 | 6 |
| Jumlah | | 48 | 48 |

sikap pelajar iaitu kaedah pengajaran dan penyampaian guru, keterampilan guru, aliran / pilihan kerjaya pelajar, nilai ekonomi mata pelajaran, penggunaan tulisan jawi dan faktor peranan dan perhatian ibu bapa. Jumlah item soalan bagi kedua-dua bahagian A dan B adalah sebanyak 48 item. Item-item soal selidik dalam Bahagian B menggunakan skala Likert yang mempunyai beberapa pilihan dari sudut positif ke sudut negatif yang berlawanan (Mohd. Najib Abdul Ghafar, 2003). Justeru itu responden diminta untuk menandakan sama ada mereka “sangat setuju”, “setuju”, “tidak pasti”, “tidak setuju” dan “sangat tidak setuju” pada ruangan yang disediakan bagi setiap soalan yang ditanya.

3.4 Kajian Rintis

Kajian rintis (*Pilot Test*) dijalankan bertujuan untuk memurnikan soalan soal selidik dan mendapatkan kepercayaan item. Kebolehpercayaan ini diuji dengan ‘Cronbach Alpha’. Pengkaji menggunakan Standard Nilai Cronbach Alpha 0.7 (Mohd. Majid Konting, 1994 dan Mohamad Najib Abdul Ghafar, 1999) yang merupakan koefisyen (pekali) kebolehpercayaan yang menunjukkan kesesuaian hubungan item-item sebagai satu set soalan.

Sebelum ujian rintis ditadbirkan, soal selidik telah diberikan kepada penasihat akademik / penyelia penyelidik dan pengubahsuaian telah dilakukan kepada soalan-soalan setelah mengambil kira pandangan dan cadangan yang telah diberikan oleh beliau. Seterusnya kajian rintis telah dijalankan ke atas 30 orang pelajar tingkatan dua di sekolah yang lain. Antara tujuan kajian rintis dijalankan adalah untuk mengetahui sejauhmana kesesuaian keseluruhan penggunaan instrumen kepada sampel kajian dan memperbaiki kekurangan-kekurangan sama ada dari segi bahasa ataupun kefahaman responden. Hasil

dapatkan daripada kajian rintis dianalisis menggunakan perisian SPSS iaitu program “*The Statistical Package For Social Science (SPSS), Version 11.5 For Windows*” untuk mendapatkan nilai alpha melalui *Reliability Coefficients*. Berdasarkan maklumbalas melalui kajian rintis, pengkaji memperbaiki item-item soalan dalam borang soal selidik bagi mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan item berdasarkan nilai alpha 0.7. Seterusnya pengkaji berkeyakinan untuk menggunakan dan mentadbir soal selidik ini kepada responden yang sebenar untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang diperlukan bagi kajian ini.

3.5 Prosedur Pengumpulan Data

Prosedur kajian atau pengumpulan data dijalankan secara berperingkat supaya berjalan lancar dan sempurna. Peringkat awalnya, penyelidik telah membuat permohonan untuk menjalankan penyelidikan daripada Dekan Fakulti Pendidikan. Setelah itu penyelidik membuat surat permohonan kepada Pengarah Bahagian Penyelidikan Pendidikan dan Pembangunan (BPPP / EPRD), Kementerian Pelajaran Malaysia. Apabila kebenaran daripada BPPP telah diperolehi, maka penyelidik memohon pula kebenaran daripada Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri Selangor (JPNS) untuk menjalankan penyelidikan terhadap sampel di sekolah yang dipilih.

Seterusnya, apabila mendapat kebenaran daripada JPNS, penyelidik telah pergi ke sekolah lain yang mempunyai ciri-ciri persamaan dengan sekolah yang menjadi sampel sebenar kajian dan memohon kebenaran daripada pengetua dan sampel untuk menjalankan kajian rintis. Soal selidik telah dikemukakan dan ditadbir sendiri oleh penyelidik ke atas sejumlah 30 orang pelajar tingkatan dua yang telah dipilih dengan dibantu oleh guru-guru

Pendidikan Islam di sekolah tersebut. Penjelasan berkaitan cara memberikan maklumbalas terhadap item-item dalam soal selidik itu juga diberikan kepada semua yang mengambil bahagian. Tempoh lima belas ke dua puluh lima minit telah diberikan kepada sampel kajian untuk menjawab soal selidik tersebut.

Selepas selesai ujian rintis, pengkaji memproses dan menganalisis data yang diperolehi untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen dengan menggunakan prosedur Cronbach Alpha 0.7 sebagai pekali kebolehpercayaan.

Langkah selanjutnya, penyelidik telah pergi ke sekolah yang menjadi sampel sebenar kajian ini untuk mengumpulkan data. Pengkaji telah memohon kebenaran pengetua dan sampel untuk membuat kajian. Sampel telah diberitahu bahawa maklumat yang diberikan oleh mereka adalah untuk tujuan kajian akademik sahaja. Penyelidik kemudiannya telah mengedarkan borang soal selidik kepada sampel yang terpilih secara rawak untuk dijawab. Selepas itu borang soal selidik dikumpulkan semula.

Prosedur terakhir yang perlu dilakukan oleh penyelidik adalah memasukkan semua data yang dikumpulkan ke dalam perisian SPSS untuk diproses dan dianalisis.

3.6 Penganalisisan Data

Maklumat atau data-data yang diperolehi daripada soal selidik dianalisis menggunakan perisian SPSS “*The Statistical Package For Social Science (SPSS), Version 11.5 For Windows*”. Keputusan kajian ini akan dipaparkan secara jelas menggunakan jadual, carta

dan graf mengikut kesesuaian data. Data-data yang telah dianalisis juga dikaitkan dengan sorotan-sorotan kajian yang telah dilakukan oleh penyelidik sebagaimana dalam bab 2.

Tatacara penganalisan data dalam kajian ini menghuraikan pengekodan data, pemasukan data dan kaedah statistik yang digunakan. Kaedah statistik deskriptif digunakan untuk menganalisis data-data. Taburan kekerapan (frekuensi) dan peratusan digunakan untuk membuat huraian tentang beberapa pembolehubah demografi pelajar seperti jantina, bangsa, pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam dalam Peperiksaan Pertengahan Tahun, pekerjaan ibu bapa, tempat asal dan pemilihan sektor pekerjaan setelah tamat pengajian.

Bagi menganalisis sejauhmana setiap faktor-faktor yang dikaji mempengaruhi pembelajaran Pendidikan Islam, penyelidik menggunakan statistik deskriptif bagi mencari frekuensi, min dan sisihan piawai. Perbezaan tahap pengaruh bagi setiap faktor yang dikaji dibentangkan dalam jadual-jadual supaya penganalisan setiap item mudah dilakukan. Bagi menjawab soalan-soalan kajian dalam Bab 1, nilai skor min bagi setiap item soalan yang ditanya dalam borang soal selidik akan digunakan untuk menentukan keputusan kajian. (Sila rujuk Lampiran 1 –Bahagian B).

Jadual 2 : Interpretasi Min

| Skor Min | Kriteria |
|-----------------|-----------------|
| 1.0 - 2.5 | Rendah |
| >2.5 - <3.5 | Sederhana |
| >3.5 - 5.0 | Tinggi |

Sumber : Mohd Yusof bin Ab. Hadi et al. (2003)

Jadual 2 di atas menunjukkan interpretasi min bagi melihat sejauhmanakah pengaruh setiap faktor yang dikaji dalam mempengaruhi sikap pelajar terhadap pembelajaran Pendidikan Islam di kalangan pelajar tingkatan dua. Skor min pada tahap 1.0 hingga 2.5 menunjukkan pengaruh faktor pada tahap rendah (kurang mempengaruhi). Manakala skor min lebih daripada 2.5 hingga kurang atau bersamaan 3.5 dalam jadual ini juga menunjukkan pengaruh faktor pada tahap sederhana dan skor min lebih daripada 3.5 menunjukkan pengaruh faktor pada tahap yang tinggi (amat mempengaruhi).

BAB 4

ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN

4.0 Pendahuluan

Bab ini akan mengemukakan analisis data-data yang telah diperolehi daripada jawapan responden. Penganalisisan data dibuat dalam tujuh bahagian. Bahagian pertama membincangkan latar belakang responden, diikuti dengan bahagian kedua hingga ketujuh yang membincangkan tentang huraihan mengenai maklumbalas responden terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi sikap pelajar terhadap pembelajaran Pendidikan Islam iaitu kaedah pengajaran dan penyampaian guru, keterampilan guru, aliran atau pilihan kerjaya pelajar, nilai ekonomi mata pelajaran, penggunaan tulisan jawi dan peranan serta perhatian ibu bapa.

Statistik deskriptif yang mengandungi frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai digunakan bagi menghuraikan profil responden kajian dan tahap pengaruh setiap faktor yang dikaji dalam mempengaruhi sikap pelajar tingkatan dua terhadap pembelajaran Pendidikan Islam.

4.1 Latar Belakang Responden Kajian

Taburan responden mengikut sifat-sifat demografi adalah seperti yang dinyatakan di dalam jadual 3. Daripada jadual tersebut, didapati seramai 91 orang responden (62.3%) daripada keseluruhan responden (146 orang) adalah pelajar perempuan dan 55 orang responden (37.7%) adalah pelajar lelaki. Dari segi kaum pula, hampir keseluruhan

responden adalah berketurunan Melayu iaitu 142 orang (97.3%). Selebihnya terdapat 2 orang (1.4%) pelajar berketurunan Cina dan 2 orang lagi (1.4%) dari lain-lain kaum.

Jadual 3 : Taburan Responden Mengikut Sifat-Sifat Demografi

| Latar Belakang | Frekuensi | Peratus |
|--------------------------------|------------------|----------------|
| Jantina | | |
| Lelaki | 55 | 37.7 |
| Perempuan | 91 | 62.3 |
| Bangsa | | |
| Melayu | 142 | 97.3 |
| Cina | 2 | 1.4 |
| Lain-lain | 2 | 1.4 |
| Kawasan Tempat Tinggal | | |
| Bandar | 52 | 35.6 |
| Pinggir Bandar | 94 | 64.4 |
| Pekerjaan Bapa | | |
| Kerajaan | 48 | 32.9 |
| Swasta | 53 | 36.3 |
| Bekerja Sendiri | 34 | 23.3 |
| Sudah Bersara | 8 | 5.5 |
| Sudah Meninggal Dunia | 3 | 2.1 |
| Pekerjaan Ibu | | |
| Kerajaan | 54 | 37.0 |
| Swasta | 16 | 11.0 |
| Bekerja Sendiri | 9 | 6.2 |
| Surirumah | 67 | 45.9 |
| Kelulusan Akademik Bapa | | |
| Sarjana / Kedoktoran | 25 | 17.1 |
| Ijazah Pertama | 33 | 22.6 |
| STPM / Diploma | 39 | 26.7 |
| Sekolah Menengah | 40 | 27.4 |
| Sekolah Rendah | 9 | 6.2 |
| Kelulusan Akademik Ibu | | |
| Sarjana / Kedoktoran | 14 | 9.6 |
| Ijazah Pertama | 24 | 16.4 |
| STPM / Diploma | 55 | 37.7 |
| Sekolah Menengah | 42 | 28.8 |


| | | |
|--|----|------|
| Sekolah Rendah | 11 | 7.5 |
| Tinggal Dengan Siapa Semasa Bersekolah | | |
| Asrama | 55 | 37.7 |
| Ibu Bapa | 83 | 56.8 |
| Bapa | 1 | 0.7 |
| Ibu | 5 | 3.4 |
| Penjaga | 1 | 0.7 |
| Lain-lain | 1 | 0.7 |
| Masa Mengulangkaji Pendidikan Islam | | |
| 2 hingga 3 jam | 9 | 6.2 |
| 1 hingga 2 jam | 43 | 29.5 |
| Kurang daripada 1 jam | 70 | 47.9 |
| Tidak mengulangkaji langsung | 24 | 16.4 |
| Markah Pendidikan Islam | | |
| 75% - 100% | 78 | 53.4 |
| 50% - 74% | 48 | 32.9 |
| 40% - 49% | 14 | 9.6 |
| 0 – 39% | 6 | 4.1 |
| Bekerja Dengan Siapa | | |
| Kerajaan | 63 | 43.2 |
| Swasta | 56 | 38.4 |
| Sendiri | 27 | 18.5 |

Nota : n=146

Manakala jenis kawasan kediaman pula, daripada Jadual 3 terdapat seramai 94 orang responden (64.4%) tinggal di kawasan pinggir bandar dan 52 orang responden (35.6%) tinggal di kawasan bandar. Dari segi pekerjaan bapa, seramai 48 orang responden (32.9%) yang bapa mereka bekerja dengan kerajaan, 53 orang bapa responden (36.3%) yang bekerja dengan swasta, 34 orang bapa responden (23.3%) yang bekerja sendiri, 8 orang responden (5.5%) yang bapanya sudah bersara dan 3 orang responden (2.1%) sudah kematian bapa. Bagi pekerjaan ibu, seramai 54 orang responden (37%) yang ibu mereka bekerja dengan kerajaan, 16 orang responden (11%) yang ibu mereka bekerja dengan

swasta, 9 orang ibu responden (6.2%) didapati bekerja sendiri dan hampir separuh ibu-ibu responden iaitu 67 orang (45.9%) merupakan surirumah sepanjang masa.


Rajah 2 : Carta Bar Menunjukkan Tahap Pendidikan Bapa Responden




Mengenai tahap pendidikan bapa responden, Rajah 2 di atas menunjukkan bahawa terdapat 25 orang responden (17.1%) mempunyai bapa yang berpendidikan tinggi hingga ke peringkat sarjana atau kedoktoran, 33 orang responden (22.6%) yang bapa mereka memiliki ijazah pertama, 39 orang responden (26.7%) mempunyai bapa berkelulusan STPM atau diploma, 40 orang responden (27.4%) mempunyai bapa berpendidikan setakat sekolah menengah dan 9 orang responden (6.2%) mempunyai bapa berpendidikan setakat sekolah rendah. Di kalangan ibu-ibu responden pula, Rajah 3 menunjukkan bahawa terdapat 14 orang responden (9.6%) mempunyai ibu yang berkelulusan akademik peringkat sarjana atau kedoktoran, 24 orang responden (16.4%) mempunyai ibu memiliki ijazah pertama, 55 orang responden (37.7%) yang ibu mereka berpendidikan peringkat STPM atau diploma, 42 orang responden (28.8%) mempunyai ibu berpendidikan setakat

sekolah menengah dan bakinya seramai 11 orang responden (7.5%) mempunyai ibu berpendidikan setakat sekolah rendah sahaja.

Rajah 3 : Carta Bar Menunjukkan Tahap Pendidikan Ibu Responden



Rajah 4 : Carta Pai Menunjukkan Dengan Siapa Responden Tinggal Semasa Bersekolah



Dari segi tempat tinggal semasa bersekolah, Rajah 4 menunjukkan bahawa majoriti responden iaitu seramai 83 orang (56.8%) tinggal bersama ibu bapa mereka, 55 orang responden (37.7%) tinggal di asrama, 5 orang responden (3.4%) tinggal dengan ibu mereka dan masing-masing seorang (2.1%) tinggal sama ada dengan bapa mereka, penjaga atau lain-lain.


Rajah 5 : Carta Pai Menunjukkan Masa Responden Mengulangkaji Pendidikan Islam



Rajah 5 pula menunjukkan masa mengulangkaji Pendidikan Islam di luar waktu persekolahan di kalangan responden. Seramai 70 orang responden (47.9%) mengambil masa kurang daripada 1 jam untuk mengulangkaji, 43 orang responden menggunakan masa 1 hingga 2 jam untuk mengulangkaji dan 9 orang responden (6.2%) mengambil masa antara 2 hingga 3 jam untuk mengulangkaji. Manakala selebihnya iaitu seramai 24 orang responden (16.4%) didapati tidak mengulangkaji langsung mata pelajaran Pendidikan Islam di luar waktu persekolahan.

Rajah 6 : Carta Bar Menunjukkan Pencapaian Markah Pendidikan Islam

Peperiksaan Pertengahan Tahun



Dari segi pencapaian markah Pendidikan Islam dalam peperiksaan pertengahan tahun, seramai 78 orang responden (53.4%) berjaya memperolehi markah kepujian atau cemerlang iaitu antara 75% hingga 100%, 48 orang responden (32.9%) mendapat markah sederhana iaitu antara 50% hingga 74%, 14 orang responden (9.6%) mendapat markah lulus, antara 40% hingga 49% dan 6 orang responden (4.1%) didapati gagal kerana mendapat markah antara 0 hingga 39% sahaja.

Mengenai harapan untuk dapat bekerja dengan siapa selepas tamat belajar, Rajah 7 menunjukkan bahawa seramai 63 orang responden (43.2%) berharap boleh bekerja dengan kerajaan, 56 orang responden (38.4%) berharap dapat bekerja dengan pihak swasta dan 27 orang responden (18.5%) memilih untuk bekerja sendiri.

Rajah 7 : Carta Bar Menunjukkan Dengan Siapa Responden Ingin Bekerja

Selepas Tamat Belajar



4.2 Maklumbalas Responden Terhadap Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Sikap Pelajar Terhadap Pembelajaran Pendidikan Islam

4.2.1 Faktor kaedah pengajaran dan penyampaian guru

Jadual 4 di bawah menunjukkan bahawa faktor kaedah pengajaran dan penyampaian guru berada pada tahap tinggi (min keseluruhan 3.6). Daripada enam item yang ditanya terdapat satu item yang skor minnya adalah sangat tinggi. Item tersebut adalah soalan kelima iaitu “Gaya penyampaian guru Pendidikan Islam saya menarik kerana suara beliau tidak perlahan dan bukan satu nada sahaja” di mana julat min 4.37 dan bilangan responden yang bersetuju dengan kenyataan ini berjumlah 131 orang. Ini jelas menunjukkan bahawa

faktor kaedah pengajaran dan penyampaian guru amat mempengaruhi sikap pelajar dalam pembelajaran Pendidikan Islam. Manakala bagi soalan kedua, skor min berada pada tahap rendah di mana julat min 1.81 dan seramai 133 orang responden didapati tidak setuju bahawa guru Pendidikan Islam mereka selalu mempelbagaikan kaedah pengajaran mereka seperti dengan menggunakan Bahan Bantu Mengajar (BBM) seperti *Overhead Projector* (OHP), *Liquid Crystal Display* (LCD), radio dan sebagainya.

Jadual 4 : Bilangan, Peratusan, Min Dan Sisihan Piawai Bagi Skor Item

Faktor Kaedah Pengajaran Dan Penyampaian Guru

| Kekerapan | | | | | | | | | |
|------------------------|-----|--------|------|----------|------|---------|-----|-------------|-------------|
| Item | n | Setuju | | T.Setuju | | T.Pasti | | Min | S.Piawai |
| | | Bil | % | Bil. | % | Bil. | % | | |
| S1 | 146 | 116 | 79.4 | 23 | 15.8 | 7 | 4.8 | 3.80 | 0.94 |
| S2 | 146 | 8 | 5.5 | 133 | 91.1 | 5 | 3.4 | 1.81 | 0.82 |
| S3 | 146 | 108 | 73.9 | 34 | 23.3 | 4 | 2.7 | 3.76 | 1.21 |
| S4 | 146 | 109 | 74.6 | 30 | 20.5 | 7 | 4.8 | 3.77 | 1.10 |
| S5 | 146 | 131 | 89.7 | 9 | 6.2 | 6 | 4.1 | 4.37 | 0.88 |
| S6 | 146 | 119 | 81.5 | 24 | 16.5 | 3 | 2.1 | 3.91 | 1.01 |
| Min Keseluruhan | | | | | | | | 3.57 | 0.99 |

Seterusnya, bilangan responden yang bersetuju dengan item 1 (Soalan 1) iaitu berminat belajar Pendidikan Islam kerana kaedah dan teknik pengajarannya sangat

menarik, kreatif dan inovatif adalah seramai 116 orang (min 3.80). Manakala seramai 108 orang responden pula didapati bersetuju bahawa semasa mengajar guru Pendidikan Islam mereka selalu menggunakan buku teks atau menyuruh pelajar menyalin nota daripada papanhitam sahaja (min 3.76). Seramai 109 orang responden pula didapati bersetuju bahawa guru Pendidikan Islam mereka selalu mengadakan aktiviti perbincangan secara berkumpulan (min 3.77). Dari segi galakan memberikan pendapat semasa proses pengajaran dan pembelajaran (p & p), 119 orang responden didapati bersetuju dengan item ini (min 3.91).

4.2.2 Faktor keterampilan guru

Merujuk kepada faktor kedua iaitu keterampilan guru, Jadual 5 menunjukkan bahawa faktor tersebut amat mempengaruhi sikap pelajar terhadap pembelajaran Pendidikan Islam. Ini dibuktikan dengan kedudukan min keseluruhan yang berada pada tahap yang agak tinggi (4.13). Satu item iaitu soalan kesembilan mencatatkan skor min yang tertinggi (julat min 4.33) di mana bilangan responden yang bersetuju dengan item ini adalah seramai 136 orang, yang sekaligus menunjukkan bahawa guru yang sering berjenaka, penyayang, mesra pelajar dan suka membantu boleh mempengaruhi sikap pelajar terhadap pembelajaran Pendidikan Islam.

Jika dianalisis secara satu persatu maklumbalas daripada responden, bagi item yang pertama iaitu soalan 7, seramai 126 orang responden bersetuju bahawa guru Pendidikan Islam mereka seorang yang mahir dan mempraktikkan segala yang diajarkan kepada pelajar mereka (min 4.17). Bagi soalan 8 didapati seramai 116 orang responden bersetuju bahawa guru Pendidikan Islam mereka tidak garang, jarang berleter atau bercakap kasar (min 4.03). Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa seramai 129

orang responden pula mengatakan bahawa guru Pendidikan Islam mereka suka berinteraksi dan sering menasihati mereka seperti anak-anak mereka sendiri (min 4.11).

Bagi item seterusnya iaitu soalan 11, seramai 116 orang responden bersetuju bahawa guru Pendidikan Islam mereka seorang yang alim, wara' serta menjaga penampilan diri mereka walau di mana mereka berada (min 4.06). Begitu juga bagi item yang terakhir dalam bahagian ini iaitu soalan 12 didapati seramai 131 orang responden bersetuju mengatakan bahawa guru Pendidikan Islam mereka seorang yang sabar, berpakaian kemas dan menepati masa (4.08).

Jadual 5 : Bilangan, Peratusan, Min Dan Sisihan Piawai Bagi Skor Item

Faktor Keterampilan Guru

| Kekerapan | | | | | | | | | |
|------------------------|-----|--------|------|----------|------|---------|------|-------------|-------------|
| Item | n | Setuju | | T.Setuju | | T.Pasti | | Min | S.Piawai |
| | | Bil | % | Bil. | % | Bil. | % | | |
| S7 | 146 | 126 | 86.3 | 10 | 6.8 | 10 | 6.8 | 4.17 | 0.83 |
| S8 | 146 | 116 | 79.5 | 23 | 15.8 | 7 | 4.8 | 4.03 | 1.09 |
| S9 | 146 | 136 | 93.1 | 6 | 4.1 | 4 | 2.7 | 4.33 | 0.75 |
| S10 | 146 | 129 | 88.3 | 11 | 7.5 | 6 | 4.1 | 4.11 | 0.82 |
| S11 | 146 | 116 | 79.4 | 5 | 3.4 | 25 | 17.1 | 4.06 | 0.78 |
| S12 | 146 | 131 | 89.8 | 7 | 4.8 | 8 | 5.5 | 4.08 | 0.72 |
| Min Keseluruhan | | | | | | | | 4.13 | 0.83 |

4.2.3 Faktor aliran / pilihan kerjaya pelajar

Bagi mengukur tahap pengaruh faktor yang ketiga dikaji dalam mempengaruhi sikap pelajar terhadap pembelajaran Pendidikan Islam iaitu aliran atau pilihan kerjaya pelajar, dapatan data bagi setiap item yang ditanya ditunjukkan dalam Jadual 6.

Jadual 6 : Bilangan, Peratusan, Min Dan Sisihan Piawai Bagi Skor Item

Faktor Aliran / Pilihan Kerjaya Pelajar

| Item | n | Kekerapan | | | | | | | | | |
|------------------------|-----|-----------|------|----------|------|---------|------|------|----------|-------------|-------------|
| | | Setuju | | T.Setuju | | T.Pasti | | Min | S.Piawai | | |
| | | Bil | % | Bil. | % | Bil. | % | | | | |
| S13 | 146 | 123 | 84.2 | 10 | 6.8 | 13 | 8.9 | 3.99 | 0.76 | | |
| S14 | 146 | 129 | 88.3 | 16 | 11.0 | 1 | 0.7 | 4.09 | 0.94 | | |
| S15 | 146 | 119 | 81.5 | 20 | 13.7 | 7 | 4.8 | 3.88 | 0.99 | | |
| S16 | 146 | 64 | 43.8 | 67 | 45.9 | 15 | 10.3 | 2.90 | 1.37 | | |
| S17 | 146 | 133 | 91.1 | 11 | 7.6 | 2 | 1.4 | 4.14 | 0.83 | | |
| S18 | 146 | 119 | 81.5 | 22 | 15.1 | 5 | 3.4 | 4.02 | 1.14 | | |
| Min Keseluruhan | | | | | | | | | | 3.84 | 1.01 |

Jadual 6 menunjukkan min dan sisihan piawai bagi faktor aliran / pilihan kerjaya pelajar. Skor min keseluruhan (3.84) didapati berada pada tahap yang tinggi (julat min >

3.5). Ini menggambarkan bahawa faktor aliran / pilihan kerjaya pelajar turut mempengaruhi sikap mereka terhadap pembelajaran Pendidikan Islam. Analisis kajian menunjukkan maklumbalas responden terhadap item-item yang ditanya dalam bahagian ini terletak pada paras yang tinggi (skor min >3.5). Reaksi sebegini mungkin disebabkan kerana hampir keseluruhan responden adalah daripada Kelas Rancangan Khas atau Kelas Aliran Agama. Terdapat satu item yang skor minnya berada pada julat yang paling tinggi (julat min 4.14) iaitu soalan ketujuhbelas (Berminat belajar Pendidikan Islam walaupun bercita-cita untuk menjadi seorang doktor, jurutera atau akauntan) dan terdapat satu item juga yang skor minnya terletak dalam kategori sederhana (julat min $> 2.5 < 3.5$) iaitu soalan keenambelas (julat min 2.90) iaitu kenyataan “peluang pekerjaan bagi aliran agama agak terhad”. Bagaimanapun, bagi soalan ini perbezaan bilangan responden yang bersetuju (64 orang) dan responden yang tidak bersetuju (67 orang) adalah tiga orang sahaja.

Seramai 123 orang responden bersetuju bahawa Pendidikan Islam menjadikan hidup mereka cemerlang (min 3.99), 129 orang pula bersetuju mengatakan berminat belajar Pendidikan Islam walaupun bercita-cita untuk menjadi doktor, jurutera dan seumpamanya (min 4.09) dan 119 orang responden mengatakan tetap berminat belajar Pendidikan Islam walaupun tidak bercadang memasuki aliran agama (min 3.88).

Seterusnya didapati seramai 133 orang responden bersetuju bahawa mereka tetap minat belajar Pendidikan Islam walaupun tidak bercita-cita untuk menjadi seorang guru Pendidikan Islam (min 4.14) dan sejumlah 119 orang responden juga mengatakan tetap berminat belajar Pendidikan Islam walaupun ibu bapa mahukan mereka memasuki aliran sains atau teknikal (4.02).

4.2.4 Faktor nilai ekonomi mata pelajaran

Bagi mengetahui sejauhmanakah faktor nilai ekonomi mata pelajaran mempengaruhi sikap pelajar terhadap pembelajaran Pendidikan Islam, dapatan data-data ditunjukkan dalam Jadual 7.

Jadual 7 : Bilangan, Peratusan, Min Dan Sisihan Piawai Bagi Skor Item

Faktor Nilai Ekonomi Mata Pelajaran

| Item | n | Kekerapan | | | | | | | | | |
|------------------------|-----|-----------|------|----------|------|---------|------|------|----------|-------------|-------------|
| | | Setuju | | T.Setuju | | T.Pasti | | Min | S.Piawai | | |
| | | Bil | % | Bil. | % | Bil. | % | | | | |
| S19 | 146 | 107 | 73.3 | 20 | 13.7 | 19 | 13.0 | 3.79 | 0.98 | | |
| S20 | 146 | 123 | 84.2 | 18 | 12.3 | 5 | 3.4 | 4.08 | 0.96 | | |
| S21 | 146 | 25 | 17.1 | 115 | 78.7 | 6 | 4.1 | 2.04 | 1.17 | | |
| S22 | 146 | 84 | 57.5 | 41 | 28.1 | 21 | 14.4 | 3.38 | 1.24 | | |
| S23 | 146 | 102 | 69.8 | 26 | 17.8 | 18 | 12.3 | 3.64 | 0.95 | | |
| S24 | 146 | 101 | 69.2 | 34 | 23.2 | 11 | 7.5 | 3.76 | 1.19 | | |
| Min Keseluruhan | | | | | | | | | | 3.45 | 1.08 |

Merujuk kepada Jadual 7, keputusan kajian menunjukkan bahawa faktor nilai ekonomi mata pelajaran didapati berada pada tahap yang sederhana dalam mempengaruhi sikap pelajar terhadap pembelajaran Pendidikan Islam (min skor keseluruhan 3.45).

Justeru itu didapati bilangan responden yang bersetuju dengan pandangan bahawa gaji orang yang bekerja di bidang agama adalah rendah adalah lebih ramai iaitu 84 orang, berbanding bilangan responden yang tidak bersetuju iaitu 41 orang (rujuk soalan 22). Analisis bagi setiap item menunjukkan empat daripada enam item adalah terletak dalam julat tinggi (min melebihi daripada 3.5) iaitu soalan kesembilanbelas, soalan keduapuluhan, soalan keduapuluhan tiga dan soalan keduapuluhan empat.

Analisis terperinci terhadap dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa seramai 107 orang responden bersetuju mengatakan bahawa Pendidikan Islam boleh menjamin masa depan mereka (min 3.79) dan sejumlah 123 orang bersepakat bahawa Pendidikan Islam adalah sama penting dengan mata pelajaran yang lain (min 4.08). Manakala bagi kenyataan “terpaksa belajar Pendidikan Islam kerana ia merupakan subjek wajib” hanya dipersetujui oleh 25 orang responden sahaja (min 2.04). Maklumbalas responden bagi item seterusnya iaitu soalan 23, terdapat 102 orang yang bersetuju bahawa mata pelajaran Pendidikan Islam sangat memenuhi kehidupan dan cita-cita mereka (min 3.64) dan bagi item terakhir dalam bahagian ini iaitu soalan 24, didapati seramai 101 orang bersetuju bahawa Pendidikan Islam agak menguntungkan daripada aspek keduniaan (min 3.76).

4.2.5 Faktor penggunaan tulisan jawi

Pengaruh faktor penggunaan tulisan jawi terhadap pembelajaran Pendidikan Islam di kalangan pelajar tingkatan dua ditunjukkan dalam Jadual 8.

Jadual 8 : Bilangan, Peratusan, Min Dan Sisihan Piawai Bagi Skor Item

Faktor Penggunaan Tulisan Jawi

| Kekerapan | | | | | | | | | |
|------------------------|-----|--------|------|----------|------|---------|-----|-------------|-------------|
| Item | n | Setuju | | T.Setuju | | T.Pasti | | Min | S.Piawai |
| | | Bil | % | Bil. | % | Bil. | % | | |
| S25 | 146 | 121 | 82.9 | 23 | 15.7 | 2 | 1.4 | 4.03 | 1.12 |
| S26 | 146 | 135 | 92.5 | 11 | 7.6 | 0 | 0 | 4.12 | 0.80 |
| S27 | 146 | 118 | 80.8 | 26 | 17.8 | 2 | 1.4 | 4.03 | 1.16 |
| S28 | 146 | 108 | 74.0 | 32 | 21.9 | 6 | 4.1 | 3.62 | 1.20 |
| S29 | 146 | 127 | 87.0 | 18 | 12.4 | 1 | 0.7 | 4.16 | 1.01 |
| S30 | 146 | 7 | 4.8 | 137 | 93.8 | 2 | 1.4 | 1.51 | 0.83 |
| Min Keseluruhan | | | | | | | | 3.58 | 1.02 |

Jadual 8 menunjukkan bahawa faktor penggunaan tulisan jawi secara puratanya adalah positif tinggi (min keseluruhannya 3.58) dalam mempengaruhi sikap pelajar terhadap pembelajaran Pendidikan Islam. Terdapat lima daripada enam item yang minnya terletak dalam julat tinggi (melebihi 3.5).

Dalam konteks item-item yang dikaji iaitu sebanyak enam soalan, didapati seramai 121 orang responden mengatakan mereka mahir membaca al-Quran serta membaca dan menulis dalam tulisan jawi (min 4.03). Ini menunjukkan hampir

keseluruhan responden tidak bermasalah dalam penggunaan tulisan jawi dan memberikan respon positif terhadap soalan-soalan yang ditanya dalam borang kaji selidik. Justeru itu didapati seramai 135 orang responden bersetuju mengatakan bahawa mereka seronok belajar Pendidikan Islam walaupun proses pengajaran dan pembelajarannya menggunakan tulisan jawi (min 4.12), sejumlah 118 orang berpendapat penggunaan tulisan jawi tidak menyusahkan mereka belajar Pendidikan Islam (min 4.03) dan didapati 127 orang responden tidak susah untuk menggunakan buku teks Pendidikan Islam walaupun dicetak dalam tulisan jawi (min 4.16). Namun begitu terdapat 108 orang responden berpandangan bahawa mereka tetap berminat belajar Pendidikan Islam walaupun tidak mahir dalam tulisan jawi (min 3.62).

Di samping itu terdapat 7 orang responden yang bersetuju mengatakan bahawa mereka tidak minat belajar Pendidikan Islam walaupun mahir dalam penggunaan tulisan jawi (min 1.51).

4.2.6 Faktor peranan dan perhatian ibu bapa

Faktor peranan dan perhatian ibu bapa dalam mempengaruhi sikap pelajar terhadap pembelajaran Pendidikan Islam ditunjukkan dalam Jadual 9.

Jadual 9 : Bilangan, Peratusan, Min Dan Sisihan Piawai Bagi Skor Item

Faktor Peranan Dan Perhatian Ibu Bapa

| Kekerapan | | | | | | | | | | |
|------------------------|-----|--------|------|----------|------|---------|-----|-------------|-------------|--|
| Item | n | Setuju | | T.Setuju | | T.Pasti | | Min | S.Piawai | |
| | | Bil | % | Bil. | % | Bil. | % | | | |
| S31 | 146 | 105 | 72.0 | 37 | 25.3 | 4 | 2.7 | 3.64 | 1.23 | |
| S32 | 146 | 125 | 85.6 | 18 | 12.3 | 3 | 2.1 | 4.16 | 1.04 | |
| S33 | 146 | 28 | 19.1 | 109 | 74.6 | 9 | 6.2 | 2.27 | 1.05 | |
| S34 | 146 | 137 | 93.8 | 9 | 6.2 | 0 | 0 | 4.55 | 0.79 | |
| S35 | 146 | 72 | 49.3 | 68 | 46.6 | 6 | 4.1 | 3.08 | 1.22 | |
| S36 | 146 | 81 | 55.5 | 59 | 40.4 | 6 | 4.1 | 3.25 | 1.39 | |
| Min Keseluruhan | | | | | | | | 3.49 | 1.12 | |

Jadual 9 menunjukkan bahawa faktor peranan dan perhatian ibu bapa dalam mempengaruhi sikap pelajar terhadap pembelajaran Pendidikan Islam adalah berada pada tahap sederhana (min keseluruhannya ialah 3.49). Daripada analisis bagi setiap item menunjukkan bahawa tiga daripada enam item terletak dalam julat tinggi (min melebihi daripada 3.5) iaitu soalan 31, soalan 32 dan soalan 34. Terdapat satu item iaitu soalan ketigapuluh empat yang skor minnya berada pada paras yang paling tinggi (julat min 4.55) di mana sejumlah 137 orang responden yang bersetuju tentang peranan ibu bapa dalam

mengingatkan anak-anak mereka tentang kewajiban menunaikan solat setiap kali masuk waktu. Min item-item yang selebihnya terletak dalam julat sederhana ($> 2.5 < 3.5$), kecuali satu item iaitu soalan ketigapuluh tiga iaitu tentang peranan ibu bapa dalam menyemak buku latihan Pendidikan Islam anak-anak mereka di mana skor minnya berada pada julat rendah (min 2.27).

Berdasarkan analisis secara terperinci terhadap hasil kajian, didapati seramai 105 orang responden bersetuju bahawa mereka berminat belajar Pendidikan Islam hasil galakan dan perhatian daripada ibu bapa mereka (min 3.64). Sejumlah 125 orang responden pula mengatakan bahawa ibu bapa mereka akan menegur atau memarahi mereka sekiranya mendapat markah yang rendah atau gagal dalam mata pelajaran Pendidikan Islam (min 4.16) dan seramai 28 orang saja responden yang bersetuju bahawa ibu bapa mereka sering menyemak dan memeriksa buku latihan Pendidikan Islam mereka (min 2.27). Tentang kekerapan solat berjemaah bersama ibu bapa dan keluarga pula, terdapat 72 orang responden sahaja yang bersetuju serta melakukannya (min 3.08) dan 81 orang sahaja bilangan responden yang belajar membaca al-Quran daripada ibu bapa sendiri (min 3.25).

Secara keseluruhannya, Jadual 10 di bawah menunjukkan perbezaan min dan sisihan piawai bagi setiap faktor yang dikaji dalam mempengaruhi sikap pelajar terhadap pembelajaran Pendidikan Islam. Analisis bagi setiap faktor menunjukkan bahawa terdapat empat faktor yang berada pada tahap yang tinggi (> 3.5) dalam mempengaruhi sikap pelajar terhadap pembelajaran Pendidikan Islam iaitu kaedah pengajaran dan penyampaian guru, keterampilan guru, aliran atau pilihan kerjaya pelajar dan penggunaan tulisan jawi. Selebihnya dua faktor didapati terletak pada aras sederhana dalam mempengaruhi sikap

pelajar terhadap pembelajaran Pendidikan Islam ($> 2.5 < 3.5$) iaitu nilai ekonomi mata pelajaran dan peranan serta perhatian daripada ibu bapa.

Jadual 10 : Perbezaan Min dan Sisihan Piawai Bagi Setiap Faktor Yang Mempengaruhi Sikap Pelajar Terhadap Pembelajaran Pendidikan Islam

| Faktor-Faktor | Min | S.Piawai |
|---|-------------|-----------------|
| 1. Kaedah pengajaran dan penyampaian guru | 3.57 | 0.99 |
| 2. Keterampilan guru | 4.13 | 0.83 |
| 3. Aliran atau pilihan kerjaya pelajar | 3.84 | 1.01 |
| 4. Nilai ekonomi mata pelajaran | 3.45 | 1.08 |
| 5. Penggunaan tulisan jawi | 3.58 | 1.02 |
| 6. Peranan dan perhatian ibu bapa | 3.49 | 1.12 |
| Min Keseluruhan | 3.68 | 1.01 |

4.3 Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, analisis deskriptif yang dijalankan terhadap data-data yang telah diperolehi daripada 146 orang responden menunjukkan bahawa keenam-enam faktor yang dikaji didapati berada pada tahap yang tinggi atau sederhana dalam mempengaruhi sikap pelajar terhadap pembelajaran Pendidikan Islam. Faktor keterampilan seseorang guru didapati paling menonjol dalam mempengaruhi sikap pelajar (min 4.13), diikuti oleh

faktor aliran atau pilihan kerjaya pelajar (min 3.84), seterusnya faktor penggunaan tulisan jawi (min 3.58), faktor kaedah pengajaran dan penyampaian guru (min 3.57), faktor peranan dan perhatian ibu bapa (min 3.49) dan faktor nilai ekonomi mata pelajaran (min 3.45).

BAB 5

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.0 Pendahuluan

Bab terakhir ini mengandungi perbincangan tentang dapatan kajian, implikasi kajian dan cadangan untuk kajian selanjutnya. Bahagian permulaan bab ini akan membincangkan tentang keputusan kajian, merumuskan dapatan kajian dan membuat perbandingan dapatan kajian dengan kajian-kajian lalu. Bahagian yang berikutnya akan membincangkan implikasi dapatan kajian terhadap tatacara penyelidikan dan kedudukan pembelajaran Pendidikan Islam. Manakala bahagian akhir pula akan mengutarakan beberapa cadangan penyelidik untuk kajian seterusnya pada masa akan datang.

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk meninjau kedudukan dan tahap faktor-faktor yang mempengaruhi sikap pelajar terhadap pembelajaran Pendidikan Islam yang melibatkan seramai 146 orang pelajar Islam tingkatan dua dari sebuah sekolah menengah di daerah Gombak. Responden adalah terdiri daripada 55 orang pelajar lelaki dan 91 orang pelajar perempuan yang majoritinya adalah berketurunan Melayu.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa lebih daripada separuh responden (94 orang) berasal daripada kawasan pinggir bandar dan kebanyakannya bapa mereka bekerja sama ada dengan kerajaan atau swasta (101 orang). Walau bagaimanapun hasil kajian mendapati bahawa bilangan ibu responden yang bekerja sama ada dengan pihak kerajaan atau swasta (70 orang) dan yang menjadi surirumah sepenuh masa (67 orang) hampir sama banyak bilangannya.

Dalam konteks kelulusan akademik, bagi golongan bapa responden didapati bilangan mereka yang terpelajar adalah tinggi iaitu 97 orang di mana ada yang memiliki ijazah kedoktoran, sarjana atau sarjana muda. Begitu juga di kalangan ibu responden di mana 93 orang daripada mereka berpendidikan tinggi sama ada mempunyai sijil peringkat diploma, ijazah pertama, sarjana hingga ke peringkat doktor falsafah.

Kajian juga menunjukkan bahawa lebih daripada separuh responden (83 orang) tinggal bersama ibu bapa semasa bersekolah. Hanya 55 orang responden menginap di asrama kerana sekolah yang menjadi sampel kajian mempunyai asrama harian yang dihuni oleh kebanyakan pelajar daripada Kelas Rancangan Khas (KRK).

Merujuk kepada masa untuk mengulangkaji Pendidikan Islam di luar waktu persekolahan, dapatan kajian ini menunjukkan perbezaan ketara dalam pembahagian masa yang diperuntukkan oleh responden. Hanya 9 orang responden didapati mengambil masa yang agak lama iaitu antara 2 hingga 3 jam dan terdapat 24 orang responden yang tidak mengulangkaji langsung mata pelajaran Pendidikan Islam.

Seterusnya dapatan kajian menunjukkan bahawa lebih daripada separuh responden (78 orang) mendapat markah yang agak baik dalam mata pelajaran Pendidikan Islam dalam Peperiksaan Pertengahan Tahun dengan jumlah markah antara 75 % hingga 100% (kepujian atau cemerlang). Walau bagaimanapun terdapat 6 orang responden yang gagal dalam mata pelajaran Pendidikan Islam dalam peperiksaan tersebut dengan pencapaian markah antara 0 hingga 39% sahaja.

Dari sudut pemilihan sektor pekerjaan setelah tamat belajar, 63 orang responden memilih untuk berkhidmat dengan kerajaan, 56 orang responden berminat untuk bekerja dengan pihak swasta, manakala 27 orang bercadang untuk bekerja sendiri.

5.1 Perbincangan Dapatan Kajian

Perbincangan tentang dapatan kajian ini terbahagi kepada enam perkara yang ada kaitan dengan soalan-soalan kajian. Sehubungan dengan itu dapatan kajian yang akan dibincangkan ini merangkumi faktor-faktor:

- 5.1.1 Faktor kaedah pengajaran dan penyampaian guru
- 5.1.2 Faktor keterampilan guru
- 5.1.3 Faktor aliran atau pilihan kerjaya pelajar
- 5.1.4 Faktor nilai ekonomi mata pelajaran
- 5.1.5 Faktor penggunaan tulisan jawi
- 5.1.6 Faktor peranan dan perhatian ibu bapa

5.1.1 Faktor kaedah pengajaran dan penyampaian guru

Berdasarkan keputusan analisis deskriptif seperti yang telah dibincangkan dalam Bab 4 iaitu yang terdapat dalam Jadual 4 menunjukkan bahawa faktor kaedah pengajaran dan penyampaian guru amat mempengaruhi sikap pelajar terhadap pembelajaran Pendidikan Islam. Ini kerana skor min bagi lima daripada enam item yang ditanya dalam bahagian ini adalah berada di paras yang tinggi (> 3.5). Dapatan ini selaras dengan hasil kajian Mariam Zoolfakar (2003) tentang pengajaran Pendidikan Moral di mana beliau telah merumuskan bahawa kaedah pengajaran yang menarik akan mendorong sikap positif pelajar terhadap subjek tersebut.

Hasil kajian ini juga bertepatan dengan teori Walberg (1984) di mana kualiti pengajaran seseorang guru merupakan satu daripada sembilan faktor yang mempengaruhi pembelajaran. Kaedah pengajaran yang berkualiti mestilah menarik minat pelajar, kreatif, inovatif, selalu mempelbagaikan kaedah dan teknik pengajaran serta penggunaan BBM yang sesuai. Selain itu gaya penyampaian guru perlu dijaga supaya tidak membosankan pelajar serta sering mengadakan aktiviti yang menggalakkan penglibatan pelajar dan bukannya bergantung kepada buku teks semata-mata.

Keputusan kajian ini juga tekal dengan dapatan kajian Mohamad Sahari Nordin dan Hassan Langgulung (1999) yang mengatakan bahawa antara punca pelajar kurang berminat kepada Pendidikan Islam adalah kerana kaedah pengajaran yang kurang berkesan. Pandangan yang sama juga telah disarankan oleh beberapa penulis lain seperti Atan Long (1980), Zawawi Hj. Ahmad (1990) dan Mohd Yusuf Ahmad (2000).

5.1.2 Faktor keterampilan guru

Kajian ini mendapati skor min keseluruhan bagi faktor keterampilan guru berada pada tahap yang tinggi iaitu julat min 4.13 (rujuk Jadual 5). Ini menunjukkan bahawa faktor yang kedua ini amat mempengaruhi sikap pelajar terhadap pembelajaran Pendidikan Islam dan berada di kedudukan paling atas sekali di antara keenam-enam faktor yang dikaji. Skor min bagi setiap item yang ditanya dalam bahagian ini iaitu enam soalan kesemuanya didapati mencecah paras 4.0 ke atas. Dapatan kajian ini selaras dengan hasil kajian Rohaty Mohd Majzub dan T. Subahan Mohd. Meerah (1993) yang telah merumuskan bahawa faktor keterampilan guru mempengaruhi proses pembelajaran. Ianya juga bertepatan dengan pandangan Rosnani Hashim (1996), Syed Ali Ashraf (1997) dan

Ghazali Darusalam (2001) di mana mereka menekankan bahawa guru Pendidikan Islam perlu menonjolkan kesepadan personaliti sebagai muslim yang ideal kerana peranan mereka bukan sahaja sebagai tenaga pengajar (*mu^callim*) tetapi juga sebagai *murajji^c* dan mursyid ke arah pembentukan insan yang *kamil*.

Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa seramai 129 orang responden mengatakan bahawa guru Pendidikan Islam mereka suka berinteraksi dan sering menasihati mereka seperti anak-anak mereka sendiri (min 4.11). Ini bermakna bahawa seseorang guru Pendidikan Islam yang bersifat kebaaan atau keibuan terhadap anak-anak didik mereka, penyayang, mesra pelajar dan berbudi bahasa sangat disenangi oleh pelajar dan mendorong minat mereka dalam pembelajaran. Ciri ini juga sangat menepati ciri seorang guru sebagaimana yang dianjurkan oleh Rasulullah s.a.w dalam sebuah hadis iaitu: “إِنَّمَا أَنَا لِكُمْ مُثْلُ الْوَالِدِ لَوْلَدِهِ” yang bermaksud “Sesungguhnya aku umpama bapa kepada seorang anak bagi kamu” (Al-Abrashi, 1976:248).

Daripada keseluruhan dapatan kajian daripada bahagian ini jelas menunjukkan bahawa seseorang guru khususnya guru Pendidikan Islam perlu menjaga personaliti dan keterampilan diri masing-masing kerana faktor ini ternyata mempengaruhi sikap pelajar terhadap pembelajaran sesuatu mata pelajaran tersebut. Justeru itu, amatlah tepat pandangan beberapa orang tokoh seperti Atan Long (1980), Al-Aroosi (1992) dan Ghazali Darusalam (2001) bahawa seseorang guru seharusnya menunjukkan sahsiah sebagai seorang pendidik, pemimpin dan pembimbing yang berkesan dan digemari oleh pelajar.

5.1.3 Faktor aliran / pilihan kerjaya pelajar

Bagi faktor ketiga yang dikaji dalam mempengaruhi sikap pelajar terhadap pembelajaran Pendidikan Islam iaitu aliran atau pilihan kerjaya pelajar, keputusan kajian terhadap item-item yang ditanya dalam bahagian ini terletak pada tahap yang tinggi iaitu skor min keseluruhannya 3.84 kecuali soalan 16 (rujuk Jadual 5). Ini mungkin kerana hampir keseluruhan responden adalah daripada kelas rancangan khas atau kelas aliran agama. Justeru itu, dapatan ini adalah bermakna bahawa kelas aliran seseorang pelajar serta jurusan kerjaya yang dipilih mempengaruhi minat serta sikap seseorang pelajar sama ada positif atau negatif terhadap pembelajaran sesuatu mata pelajaran.

Hasil kajian ini didapati menyamai keputusan kajian yang telah dijalankan oleh Hargreaves (1967) yang telah merumuskan bahawa pelajar-pelajar yang berada dalam aliran tertentu akan memfokuskan perhatian terhadap mata pelajaran dalam aliran mereka. Begitu juga dengan pandangan Rosnani Hashim (1996) di mana terdapat kecenderungan di kalangan pelajar sekolah menengah agama yang memberikan lebih penekanan terhadap subjek sekular berbanding subjek agama itu sendiri kerana berminat untuk menceburi profesi bukan bidang agama yang lebih tinggi gajinya seperti bidang kedoktoran, kejuruteraan atau perakaunan.

5.1.4 Faktor nilai ekonomi mata pelajaran

Merujuk kepada Jadual 6, keputusan kajian menunjukkan bahawa faktor nilai ekonomi mata pelajaran didapati berada pada tahap yang sederhana dalam mempengaruhi sikap pelajar terhadap pembelajaran Pendidikan Islam (min skor keseluruhan 3.45). Justeru itu didapati bilangan responden yang bersetuju dengan pandangan bahawa gaji orang yang bekerja di bidang agama adalah rendah adalah lebih ramai iaitu 84 orang, berbanding

bilangan responden yang tidak bersetuju iaitu 41 orang (rujuk soalan 22). Hal ini bertepatan dengan pandangan Sidek Baba (2004) di mana beliau telah menegaskan bahawa ada orang yang berpendapat bahawa pendidikan agama sebagaimana juga pendidikan nilai dan etika tidak memberikan nilai ekonomi.

Lantaran itulah terdapat segelintir responden yang bersetuju dengan kenyataan dalam soalan 21 iaitu belajar Pendidikan Islam hanya kerana terpaksa sahaja disebabkan iaanya merupakan subjek wajib kepada semua pelajar yang beragama Islam. Fenomena ini bertepatan dengan hasil kajian Fauziah Abd Ghani (1990) yang mendapati bahawa pelajar menganggap Pendidikan Islam terpaksa dipelajari dan kebanyakannya ibu bapa dari status sosioekonomi tinggi hanya memberikan penekanan dan tumpuan kepada mata pelajaran yang dikatakan bernilai ekonomi tinggi sahaja.

5.1.5 Faktor penggunaan tulisan jawi

Hasil kajian ini juga membuktikan bahawa faktor penggunaan tulisan jawi adalah mempengaruhi sikap pelajar terhadap pembelajaran Pendidikan Islam iaitu pada tahap yang tinggi di mana skor min keseluruhannya 3.58 (rujuk Jadual 7). Keputusan ini menyamai dapatan-dapatan kajian yang telah dijalankan oleh Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia (1985), Amin Mohd Rashid (1990), Muhamad Endut (1992), Isahak Haron dan Hassan Basri Awang Mat Dahan (1994) dan Sarin Talib (1995), di mana kelemahan penguasaan tulisan jawi merupakan masalah dan mendatangkan implikasi yang besar terhadap proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam termasuk di sekolah berasrama penuh.

Dalam konteks item-item yang dikaji iaitu sebanyak enam soalan, didapati seramai 121 orang responden mengatakan mereka mahir membaca al-Quran serta membaca dan menulis dalam tulisan jawi. Ini menunjukkan hampir keseluruhan responden tidak bermasalah dalam penggunaan tulisan jawi dan memberikan respon positif terhadap soalan-soalan yang ditanya dalam borang kaji selidik.

Justeru itu didapati seramai 135 orang responden bersetuju mengatakan bahawa mereka seronok belajar Pendidikan Islam walaupun proses pengajaran dan pembelajarannya menggunakan tulisan jawi, sejumlah 118 orang berpendapat penggunaan tulisan jawi tidak menyusahkan mereka belajar Pendidikan Islam dan didapati 127 orang responden tidak susah untuk menggunakan buku teks Pendidikan Islam walaupun dicetak dalam tulisan jawi. Namun begitu terdapat 108 orang responden berpandangan bahawa mereka tetap berminat belajar Pendidikan Islam walaupun tidak mahir dalam tulisan jawi.

Di samping itu terdapat 7 orang responden yang bersetuju mengatakan bahawa mereka tidak minat belajar Pendidikan Islam walaupun mahir dalam penggunaan tulisan jawi. Ini menyamai dengan dapatan kajian yang telah dijalankan oleh Nik Rusila (1997) yang merumuskan bahawa sama ada seseorang pelajar itu lemah, sederhana atau baik penguasaan jawinya, minat mereka terhadap Pendidikan Islam tidak begitu tinggi disebabkan pengajaran guru Pendidikan Islam yang tidak begitu berkesan dan bukannya sama ada mereka lemah, sederhana atau baik penguasaan jawinya.

5.1.6 Faktor peranan dan perhatian ibu bapa

Keputusan kajian terhadap faktor peranan dan perhatian ibu bapa dalam mempengaruhi sikap pelajar terhadap pembelajaran Pendidikan Islam adalah pada tahap sederhana di

mana skor min keseluruhan adalah 3.49. Bagaimanapun terdapat tiga daripada enam item yang ditanya dalam bahagian ini menunjukkan paras min pada tahap yang tinggi (>3.5) iaitu tentang galakan ibu bapa yang menimbulkan sikap positif anak-anak terhadap pembelajaran Pendidikan Islam, sikap mengambil berat ibu bapa tentang pencapaian anak-anak mereka dalam Pendidikan Islam dan peranan ibu bapa yang menitikberatkan soal kewajiban menunaikan solat fardu terhadap anak-anak mereka.

Dapatan kajian ini bertepatan dengan pandangan Michael G. Fullan (1992) dan Mohd. Hamidi Hj. Abdul Hamid (2002) yang menegaskan bahawa ibu bapa berperanan dalam membantu kecemerlangan pendidikan anak-anak mereka di mana semakin erat dan rapatnya hubungan anak-anak dengan ibu bapa, semakin besarlah impaknya terhadap perkembangan dan pencapaian pendidikan mereka.

Hasil kajian ini juga menepati keputusan kajian Fauziah Abd Ghani (1990) di mana beliau mendapati ada kalangan ibu bapa yang berkedudukan sosioekonomi tinggi memandang rendah terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam serta tidak menggalakkan anak-anak mereka mempelajarinya sebagai satu mata pelajaran yang penting di sekolah.

Di samping itu, maklumbalas responden dalam kajian ini menunjukkan hanya segelintir ibu bapa yang memberikan perhatian serta berperanan sepenuhnya terhadap pendidikan anak-anak mereka. Ini terbukti dengan hasil kajian bagi soalan 33, 35 dan 36 di mana dalam soalan 33, seramai 28 orang sahaja responden yang bersetuju bahawa ibu bapa mereka sering menyemak dan memeriksa buku latihan Pendidikan Islam mereka. Bagi soalan 35 pula iaitu tentang kekerapan solat berjemaah bersama ibu bapa dan keluarga, terdapat 72 orang responden sahaja yang bersetuju serta melakukannya dan bagi

soalan 36, terdapat 81 orang sahaja bilangan responden yang belajar membaca al-Quran daripada ibu bapa sendiri. Sehubungan itu, para ibu bapa seharusnya memainkan peranan dan tanggungjawab mereka dalam mendidik anak-anak khususnya dalam mengambil berat tentang amalan dan penghayatan ajaran Islam yang sebenarnya kerana ia boleh mempengaruhi sikap anak-anak mereka terhadap pembelajaran Pendidikan Islam. Ini jelas sebagaimana maksud hadis Rasulullah s.a.w bahawa anak-anak umpama kain putih yang menjadi tanggungjawab para ibu bapa mereka untuk mencorakkan atau ‘mewarnakan’ tingkah laku mereka yang bersesuaian. Sabda Rasulullah s.a.w. :

“إِنَّ اللَّهَ سَأْلُ كُلِّ رَاعٍ عَمَّا سَتَرَ عَاهَ حَفْظُ أُمٍّ ضَيْعٍ”

Mafhum Hadis : “Sesungguhnya Allah akan bertanya setiap orang yang bertanggungjawab terhadap tanggungjawabnya sama ada telah memelihara ataupun mensia-siakannya” (Riwayat Ibnu Hibban).

5.2 Implikasi Kajian

Dapatan kajian berdasarkan analisis melibatkan aplikasi teknik statistik deskriptif terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar terhadap pembelajaran Pendidikan Islam telah membawa kepada implikasi-implikasi berikut :

5.2.1 Hasil kajian telah membuktikan bahawa faktor kaedah pengajaran dan penyampaian guru didapati telah mempengaruhi sikap pelajar terhadap pembelajaran Pendidikan Islam. Ianya meliputi aspek kekreatifan kaedah dan teknik mengajar seseorang guru, daya inovasi, penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang pelbagai dan bersesuaian dengan kebolehan dan tahap pelajar serta aktiviti perbincangan yang melatih dan menggalakkan pelajar saling bertukar atau

memberikan pendapat. Sehubungan dengan itu, setiap guru Pendidikan Islam perlu menitikberatkan segala aspek tersebut supaya kaedah pengajaran dan gaya penyampaian mereka boleh menarik minat pelajar untuk terus belajar.

Selain itu, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan buku teks sahaja ataupun menyuruh pelajar menyalin nota semasa proses p & p hanya akan mendorong pelajar bersikap negatif serta hilang minat terhadap sesuatu mata pelajaran yang diajar atau disampaikan oleh guru yang jelas tiada idea, statik, pasif, tidak kreatif atau inovatif.

Berdasarkan hasil kajian ini juga, pengkaji mencadangkan supaya latihan-latihan atau kursus-kursus perguruan untuk guru-guru pelatih seharusnya mengambilkira serta memberikan penekanan terhadap aspek-aspek tersebut supaya ramai guru-guru yang berkualiti khususnya bagi bidang Pendidikan Islam mampu untuk dilahirkan.

- 5.2.2 Keputusan kajian ini juga mendapati faktor keterampilan seseorang guru berada pada tangga teratas dalam mempengaruhi sikap pelajar terhadap pembelajaran Pendidikan Islam. Ini bermakna guru yang mahir dalam bidang yang diajarnya serta mempraktikkan pula segala apa yang diajar akan mendorong sikap positif pelajar terhadap pembelajaran. Selain itu, sikap guru yang penyayang, suka berjenaka, mesra pelajar dan suka membantu, berbudi bahasa, bersifat kebapaan atau keibuan didapati sangat mempengaruhi dan memotivasi pelajar dalam memupuk minat mereka terhadap pembelajaran Pendidikan Islam.

Justeru itu, penjagaan personaliti, sahsiah dan keterampilan diri bagi seseorang guru perlu diberikan perhatian kerana ianya akan menjadi penilaian kepada para pelajar semasa proses p & p dan mempengaruhi sikap mereka untuk belajar sama ada secara positif atau negatif.

Seterusnya, pihak Kementerian Pelajaran khususnya Bahagian Pendidikan Guru juga disyorkan supaya memberikan prioriti kepada calon-calon yang mempunyai ciri-ciri atau karektor yang sesuai sebagai guru yang berkesan seperti yang telah dibincangkan dalam pemilihan bakal-bakal guru Pendidikan Islam pada masa akan datang.

- 5.2.3 Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa aliran atau pilihan kerjaya seseorang pelajar merupakan satu faktor yang turut mempengaruhi sikap pelajar terhadap pembelajaran Pendidikan Islam. Kenyataan ini terbukti dengan keputusan kajian yang mendapati bahawa terdapat golongan pelajar yang bukan daripada aliran agama sama ada dengan kehendak sendiri atau pilihan ibu bapa kurang berminat belajar Pendidikan Islam disebabkan ia bukannya subjek penting dalam aliran, jurusan atau pilihan kerjaya mereka.

Dalam hal ini, setiap pelajar seharusnya diberi pemahaman supaya memandang semua subjek yang dipelajari dan juga aliran yang diikuti sama penting untuk kehidupan masa depan mereka kerana ianya saling bergantungan dan lengkap melengkapi antara satu sama lain khususnya bagi seorang pelajar muslim.

5.2.4 Hasil kajian juga mendapati bahawa faktor nilai ekonomi mata pelajaran mempengaruhi sikap pelajar terhadap pembelajaran Pendidikan Islam. Hal ini bermakna bahawa dapatan kajian menunjukkan segolongan pelajar didapati lebih berminat atau mengutamakan subjek-subjek lain yang lebih menguntungkan mereka daripada aspek keduniaan atau pandangan mata kasar, berbanding subjek Pendidikan Islam yang dianggap tidak jelas nilai dan keuntungannya semasa hidup di dunia ini.

Keputusan kajian ini juga menunjukkan bahawa sesetengah pelajar mengakui bahawa mereka belajar Pendidikan Islam kerana terpaksa disebabkan ianya wajib diambil atau dipelajari oleh semua pelajar yang beragama Islam. Oleh itu adalah menjadi kewajiban kepada setiap guru, khususnya bagi guru Pendidikan Islam untuk memperbetulkan konsep dan mentaliti sedemikian supaya sikap negatif tersebut tidak berterusan.

5.2.5 Dapatan kajian ini juga mendapati bahawa penggunaan tulisan jawi merupakan satu faktor yang mempengaruhi sikap pelajar terhadap pembelajaran Pendidikan Islam. Ini kerana proses p & p dan buku teks atau rujukan bagi mata pelajaran Pendidikan Islam menggunakan tulisan jawi. Pada dasarnya pelajar yang mahir membaca al-Quran biasanya didapati mahir menggunakan tulisan jawi sama ada untuk membaca atau menulis dan seterusnya tiada masalah dalam pembelajaran Pendidikan Islam. Sebaliknya pelajar yang tidak mahir akan merasa tidak seronok kerana sukar untuk membaca serta membuat rujukan buku-buku dan semasa proses p & p kerana semuanya menggunakan tulisan jawi dan akhirnya menyebabkan mereka menunjukkan sikap tidak berminat terhadap pembelajaran Pendidikan

Islam. Namun begitu, terdapat juga segelintir pelajar yang bersikap negatif dan tetap tidak berminat belajar Pendidikan Islam walaupun mahir dalam penggunaan tulisan jawi. Fenomena ini mungkin berpunca daripada lain-lain faktor yang mempengaruhi sikap pelajar terhadap pembelajaran Pendidikan Islam sebagaimana yang dibincangkan dalam kajian ini.

5.2.6 Keputusan kajian juga menunjukkan bahawa faktor peranan dan perhatian ibu bapa turut mempengaruhi sikap pelajar terhadap pembelajaran Pendidikan Islam. Pelajar yang mempunyai ibu bapa yang mengambil berat soal agama dan pendidikan anak-anak mereka seperti kewajiban solat, solat berjemaah, membaca al-Quran dan menyelesaikan kerja-kerja rumah (*homeworks*) didapati menunjukkan sikap positif terhadap pembelajaran Pendidikan Islam. Keadaan adalah di sebaliknya bagi pelajar yang mempunyai ibu bapa yang kurang mengambil berat atau memberikan penekanan terhadap aspek keagamaan dan tugas sekolah anak-anak mereka. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kesedaran ibu bapa terhadap segala peranan dan tanggungjawab mereka akan mendatangkan kesan positif terhadap pembangunan pendidikan dan pencapaian akademik anak-anak mereka.

5.3 Cadangan Kajian Masa Hadapan

Kajian ini adalah berfokus kepada enam faktor yang mempengaruhi sikap pelajar terhadap pembelajaran Pendidikan Islam. Justeru itu, ianya boleh dijadikan garispanduan untuk menjalankan kajian selanjutnya terhadap lain-lain faktor pula pada masa akan datang. Usaha seperti ini akan membawa hasil dapatan kajian yang lebih luas atau mendalam

terhadap semua faktor-faktor yang mempengaruhi sikap pelajar terhadap pembelajaran Pendidikan Islam. Berikut ini adalah beberapa cadangan kajian lanjutan yang mungkin boleh membantu usaha-usaha untuk memupuk sikap positif terhadap Pendidikan Islam supaya lebih berkesan di kalangan pelajar iaitu :

- 5.3.1 Suatu kajian tentang faktor-faktor yang mempengaruhi sikap pelajar sekolah rendah terhadap pembelajaran Pendidikan Islam. Langkah ini bertujuan supaya faktor-faktor tersebut dapat dikenalpasti daripada peringkat awal atau akar umbi serta memudahkan usaha untuk mencari formula ke arah jalan penyelesaiannya sebelum mereka melangkah ke alam persekolahan peringkat menengah.
- 5.3.2 Kajian juga boleh dijalankan secara terperinci terhadap satu faktor sahaja yang mempengaruhi sikap pelajar terhadap pembelajaran Pendidikan Islam. Cadangan ini diusulkan supaya tindakan susulan atau langkah-langkah penambahbaikan atau pencegahan boleh diambil secara lebih berkesan daripada pelbagai sudut secara mendalam berkaitan faktor yang berkenaan.

5.4 Rumusan

Bab 5 ini telah membincangkan tentang keputusan kajian, implikasi kajian serta cadangan untuk kajian selanjutnya. Keputusan kajian menunjukkan bahawa kesemua faktor yang dikaji didapati mempengaruhi sikap pelajar terhadap pembelajaran Pendidikan Islam sama ada pada tahap yang sederhana atau tahap yang tinggi. Daripada enam faktor yang dikaji, didapati faktor keterampilan guru berada pada tangga yang teratas sekali iaitu amat mempengaruhi sikap pelajar terhadap pembelajaran Pendidikan Islam. Ini diikuti oleh

faktor aliran atau pilihan kerjaya pelajar, kaedah pengajaran dan penyampaian guru dan penggunaan tulisan jawi. Manakala faktor peranan serta perhatian ibu bapa dan nilai ekonomi mata pelajaran berada pada paras sederhana dalam mempengaruhi sikap pelajar terhadap pembelajaran Pendidikan Islam.

Implikasi daripada kajian ini adalah cadangan supaya guru-guru Pendidikan Islam sentiasa menjaga sahsiah, personaliti dan keterampilan diri kerana ia sangat mempengaruhi sikap pelajar sama ada berminat atau tidak terhadap proses pembelajaran. Di samping itu, guru-guru Pendidikan Islam hendaklah memastikan bahawa kaedah p & p yang diaplikasikan semasa mengajar serta gaya penyampaian mereka menarik serta bersesuaian dengan perbezaan kebolehan yang terdapat pada pelajar. Penjurusan aliran pelajar sedikit sebanyak menjadi faktor yang mempengaruhi minat pelajar, di samping faktor nilai ekonomi dan penggunaan tulisan jawi. Juga tidak ketinggalan peranan yang dimainkan oleh para ibu bapa pelajar sendiri yang turut menyumbang ke arah pemupukan sikap positif anak-anak mereka terhadap pembelajaran Pendidikan Islam.

Sebagai penutup, seandainya pembelajaran Pendidikan Islam berjaya menarik minat pelajar sudah tentu matlamat dan tujuan Pendidikan Islam dapat direalisasikan dan seterusnya berkesan sebagai benteng dalam mencegah penglibatan ramai remaja Islam dalam gejala-gejala sosial yang semakin membimbangkan dalam dunia era digital masa kini.

BIBLIOGRAFI

Buku-Buku

Al-Qur'an al-Karim

Al-Hadith al-Nabawi al-Sharif

Abdul Halim El-Muhammady, Prof. Madya Dr. (1991). *Pendidikan Islam falsafah, disiplin dan peranan pendidik*. Petaling Jaya: Dewan Pustaka Islam.

Abdul Monir Yaacob. (2003). Pengajian Islam di Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta. Dalam Suzalie Mohamad. (Penyunting) (2003). *Memahami isu-isu Pendidikan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: IKIM.

Abdullah Ishak, Hj. (1995). *Pendidikan Islam dan pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdullah Nasih Ulwan. (1988). *Pendidikan anak-anak dalam Islam* (Jld. 2) (Terjemahan: Syed Ahmad Semait). Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.

Adnan Yusopp. (2003). Dasar Pendidikan Islam negara: pelaksanaan dan keberkesanan sistem pendidikan di sekolah-sekolah kerajaan. Dalam Suzalie Mohamad. (penyunting) (2003). *Memahami isu-isu Pendidikan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: IKIM.

Akhlaq Hussain. (1987). *Ibu bapa muslim*. (Terjemahan: Mustafa Ramadhan). Kuala Lumpur: Syarikat Ali 'Imran.

Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) dan Peraturan-Peraturan Terpilih, International Law Book Services.

Al-Aroosi, Muhammad. (1992:156-157). Dalam Muhamad Hamid Al-Afendi & Nabi Ahmad Baloch (penyunting)(1992). *Kurikulum dan pendidikan guru*. Terjemahan: Ahmad Jafni et al. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Al-Abrahi, Muhammad 'Atiyah. (1976). *al-Tarbiyyah al-Islamiyyah wa falasifatuha*. (cet. 3). Qahirah: Dar al-Fikr al-'Arabi.

Al-Nahwi, ^cAdnan ^cAli Rida, Dr. (2000). *Al-Tarbiyyah fi al-Islam al-nazariyyah wa al-minhaj*. Riyad: Dar al-Nahwi.

Al-Nihlawi, ^cAbd al-Rahman. (1988). *Al-Tarbiyyah al-Islamiyyah wa al-musykilat al-mu^casirah*. Riyad: Maktabah Usamah.

- Al-Kilani, Majid Arsan, Dr. (1998). *Falsafat al-tarbiyyah al-Islamiyyah*. Beirut: Mu'assasah al-Rayyan.
- Amir Awang. (1986). *Teori-teori pembelajaran*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Amran Kasimin, Dr. (1993). *Masalah sosial dan hubungannya dengan agama*. Bangi: Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Anwar Ibrahim et al. (1988). *Isu Pendidikan Islam*. Suntingan: Zamanhuri Hj. Shamsuddin. Kuala Lumpur: PKPIM.
- Atan Long. (1986). *Pedagogi kaedah am mengajar*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Bloom, B.S. (1976). *Human characteristic and social learning*. New York: M Graw-Hill.
- Brown, R. (1965). Social psychology dlm. *Achievement motive*. New York: Free Press.
- Edward De Bono. (1976). *Teaching thinking*. London: Penguin Books Ltd.
- El-Mokhtar, Ould Bah, Dr. Mohamad. (1998). *Islamic education between tradition and modernity*. Publications of the Islamic Educational Scientific & Cultural Organization (ISESCO), 1998 /1419.
- Fraenkel, J.R. dan Wallen, N.E. (1990). *How to design and evaluate research in education*. United States of America: McGraw-Hill, Inc.
- Ghazali Darusalam. (2001). *Pedagogi Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Halloran, J.D. (1967). *Attitude formation and change*. England: Leicester University Press.
- Hargreaves, D.H. (1967). *Social relations in a secondary school*. London: Routledge and Kegan Paul.
- Hassan Langgulung. (1997). *Pengenalan tamadun Islam dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____, Prof. Dr. (2000). *Pendidikan Islam dan peningkatan kualiti sumber daya manusia*. Kuliyah Pendidikan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Ibrahim Ahmad Bajunid. (2003). Pelaksanaan dan keberkesanan Pendidikan Islam di sekolah kebangsaan. Dalam Suzalie Mohamad. (Penyunting) (2003). *Memahami isu-isu Pendidikan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: IKIM.
- Jemaah Nazir Sekolah. (1992). *Penyeliaan Pendidikan Islam sekolah rendah*. Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan, Kementerian Pendidikan Malaysia.

- Kamus Dewan* (ed. ke 3) (2002). cet. ke 7. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Katz, D. (1960). The functional approach to the study of attitudes in *Public Opinion Quarterly*, vol.24, 1960, hal. 163-204.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2004). *Projek rintis j-Qaf tahun 2004*. Kuala Lumpur: Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (ed. ke 2) (1996). *Gaya Dewan, Sebuah Panduan Kerja Penerbitan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hal. 135-136.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2002). *Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM)*. Ampang /Hulu Kelang: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. (2002). Kertas dasar semakan kurikulum Pendidikan Islam KBSR dan KBSM 2000. Kuala Lumpur: Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, hal. 1.
- _____. (1985). *Laporan kajian mengenai kedudukan mata pelajaran pengetahuan agama Islam di Sekolah Menengah*.
- _____. (1979). *Laporan Jawatankuasa Kabinet mengkaji perlaksanaan dasar pelajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia dan Fakulti Pendidikan Universiti Pertanian Malaysia. (1994). *Tinjauan mengenai guru-guru Pendidikan Islam sekolah menengah kebangsaan di Semenanjung Malaysia*.
- Khailani Abdul Jalil & Ishak Ali Shah. (editor) (1993). *Pendidikan Islam era 2020 tasawur dan strategi*. Kajang: Tekno Edar.
- Khalid Johari. (2003). *Penyelidikan dalam pendidikan konsep dan prosedur*. Petaling Jaya: Prentice Hall.
- Kinnany, A.H.Khaldun. (1992:175-176). Dalam Muhamad Hamid Al-Afendi & nabi Ahmad Baloch. (penyunting) (1992). *Kurikulum dan pendidikan guru*. Terjemahan: Ahmad Jafni et al. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lefrancois, G. R. (1982). *Psychological theories and human learning* (ed.2). California: Brooks/Cole Publishing Company.
- Mager, R.F. (1968). *Developing attitude toward learning*. California: Fearon Publishers.
- Md. Hashim Hj. Yahaya. (1987). *Tanggungjawab ibu bapa dan anak menurut Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar.
- Michael G. Fullan & Suzanne Stiegelbauer. (1992). *The new meaning of educational change*. London: Cassell Educational Ltd.

- Miqdad Yalijan et al. (1402H). *Usul al-tarbiyyah al-Islamiyyah*. Saudi Arabia: Jamiyah al-Imam Muhammad bin Sa'ud al-Islamiyyah.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar. (1999). *Penyelidikan pendidikan*. Skudai, Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd. Hamidi Hj. Abdul Hamid. (2002). *Pengurusan sekolah cemerlang menurut Islam*. Maran: Perniagaan Qomarul Roihan.
- Mohd. Kamal Hassan. (1988). *Pendidikan dan pembangunan satu perspektif bersepada*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Mohd. Majid Konting. (1994). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Yusuf Ahmad. (2000). *Sejarah dan kaedah pendidikan al-Quran*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- _____. (2002). *Falsafah dan sejarah Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- _____. (2003). *Pengajian Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Muhammad Hamid Al-Afendi & Nabi Ahmad Baloch. (penyunting) (1992). *Kurikulum dan pendidikan guru*. Terjemahan: Ahmad Jafni et al. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rokeach, M. (1968). *Believe, attitudes and values*. San Francisco: Jossey-Bass Publisher.
- Rosnani Hashim. (1996). *Educational dualism in Malaysia implications for theory and practice*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Shahabuddin Hashim & Dr. Rohizani Yaakub. (2003). *Psikologi Pembelajaran dan personaliti*. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Sharifah Md. Nor. (2000). *Keberkesanan sekolah satu perspektif sosiologi*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Suzalie Mohamad. (peny.). (2003). *Memahami isu-isu Pendidikan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Syed Ali Ashraf. (1994). *Horizon baru dalam Pendidikan Islam*. (terj.) Ismail Ahmad. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Muhammad Naquib Al-Attas. (1999). *The concept of education in Islam*. Kuala Lumpur: ISTAC.

- Thurstone, L.L & Chave, E.J. (1929). *The measurement of attitude.* Chicago: The University of Chicago Press.
- Zanden, J.W.V. dan Pace, A.J. (1984). *Educational psychology: in theory and practice* (ed.2). New York: Random House.
- Zawawi Hj. Ahmad. (1996). *Sains dalam Pendidikan Islam.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. (1990). *Strategi pengajaran Pendidikan Islam KBSM.* Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.

Jurnal, Majalah, Tesis, Kertas Projek Dan Kertas Seminar

Abdul Halim Hj. Mat Diah, Prof. Dr. (2004). Falsafah Pendidikan Islam di peringkat Ijazah Tinggi di Malaysia. Kertaskerja *Seminar Ijazah Tinggi Pendidikan Islam dan Bahasa Arab peringkat kebangsaan 2004* di APIUM pada 10 Julai 2004, anjuran bersama Fakulti Pendidikan, APIUM dan JAPIM, KPM.

Abdullah bin Abdul Rahman, Dr. & Mohamad Shaid bin Mohd. Taufek. (1995). Penyediaan prasarana pengurusan personel, kewangan dan undang-undang dalam melaksanakan sistem Pendidikan Islam yang sepadu. Kertaskerja *Kongres Pendidikan Islam Kebangsaan*, anjuran Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri & Kerajaan Negeri Johor di Hotel Puteri Pan Pacific, Johor Baharu pada 20-22 Januari 1995.

Amin bin Mohd Rashid. (1990). *Masalah-masalah pengajaran Pendidikan Islam (KBSR)- satu kajian persepsi guru-guru mata pelajaran tersebut di sekolah-sekolah rendah.* Tesis sarjana pendidikan yang tidak diterbitkan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Azizah Lebai Nordin. (1999). Guru Pendidikan Islam yang berkesan. *Masalah Pendidikan*, 22, 173-183.

Baharuddin Jabar. (1999). *Sikap pelajar aliran Sains tingkatan empat terhadap mata pelajaran Sejarah.* Tesis sarjana pendidikan yang tidak diterbitkan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.

Fauziah Abdul Ghani. (1990). *Persepsi dan sikap pelajar terhadap mata pelajaran agama Islam mengikut status sosioekonomi keluarga.* Latihan Ilmiah yang tidak diterbitkan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Feryal El-Khaldi, Dr. (1998). The teaching of Islamic Education with respect to child development : critique and suggestions. Kertaskerja *National Seminar on Islamization of education : Meeting the challenge*, anjuran Jabatan Pendidikan, Kulliyyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, UIAM di Moot Court, Kulliyyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim pada 14-16 Julai 1998.

- Hamida Bee Bi bt. Abdul Karim. (1996). *Factors influencing the performance of UUM matriculation students in learning English as a Foreign Language*. Tesis sarjana pendidikan yang tidak diterbitkan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Heng Jee Soon. (1992). *Faktor-faktor terpilih yang mempunyai pertalian dengan pencapaian mata pelajaran Ekonomi pelajar tingkatan VI*. Tesis sarjana pendidikan yang tidak diterbitkan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Hussein Hj. Ahmad, Dr. Hj. (1995). Pendidikan Islam dalam era pembangunan semasa. Kertaskerja *Kongres Pendidikan Islam Kebangsaan*, anjuran Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri dan Kerajaan Negeri Johor di Hotel Puteri Pan Pacific, Johor Baharu pada 20-22 Januari 1995.
- Isahak Haron & Hassan Basri Awang Mat Dahan. (1994). *Laporan kajian penguasaan sekolah menengah dalam tulisan Jawi*. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya. Kertaskerja Seminar Tulisan Jawi 1995, anjuran Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri di Dewan Muktamar Pusat Islam Malaysia, Kuala Lumpur pada 4 September 1995, hal. 15-18.
- Junaidah Mat Lia. (1999). *Penilaian terhadap kemahiran membaca Jawi di kalangan murid tingkatan dua di sebuah sekolah menengah di Wilayah Persekutuan*. Tesis sarjana pendidikan yang tidak diterbitkan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Kamarizan Ya. (2000). *Faktor-faktor yang mempengaruhi amalan harian Pendidikan Islam pelajar aliran Sijil Kemahiran Malaysia di Sekolah Menengah Teknik Negeri Terengganu*. Tesis sarjana muda teknologi serta pendidikan (Kejuruteraan Mekanikal), Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamilen Marzuki. (1989). *Aspek-aspek Pendidikan Islam dalam sistem pembelajaran di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Ma'ahad Hamidiah Kajang: pelaksanaan dan keberkesanannya di dalam kehidupan para pelajarnya*. Latihan Ilmiah yang tidak diterbitkan, Fakulti Usuluddin, Universiti Malaya.
- Little Flower Fernandez (1999). *Factors affecting the academic performance of secondary school students*. A Research Project for Master of Management, University of Malaya.
- Mariam binti Zoolfakar. (2003). *Sikap guru dan pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Moral*. Kertas projek sarjana pendidikan yang tidak diterbitkan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Md. Nor Othman et al. (1993). Tanggapan masyarakat Melayu terhadap sistem Pendidikan Islam: satu kajian perbandingan. *Manusia dan Masyarakat*, Jurnal Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Jld. 8, Disember 1993.
- Mohamad Asri bin Suratman. (2000). *Sikap pelajar aliran teknik di Perak terhadap mata pelajaran Sejarah*. Kertas projek sarjana pendidikan yang tidak diterbitkan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.

- Mohamad Sahari Nordin & Hassan Langgulung. (1999). Reasons For School Children's Poor Attitude Towards Islamic Education: A Pilot Inquiry, *Jurnal Pendidikan Islam*, Jilid 8, Bil. 3, 69-81.
- Mohd Yusof bin Ab. Hadi et al. (2003). Meningkatkan pengetahuan, amalan dan sikap terhadap Pendidikan Alam Sekitar di kalangan pelajar. *Prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan Persekutaran 2003*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi pada 8 – 9 Julai 2003, hal. 187-194.
- Muhammad Arif Hj. Kasmo. (1988). Pengukuhan aqidah menerusi penghayatan Sains dalam al-Quran dalam kerangka pembangunan akhlak pelajar. *Seminar Kebangsaan Islamisasi Pendidikan: Menangani Cabaran*. Anjuran: Jabatan Pendidikan, KIRKHS, UIAM di Moot Court, Kuliyah Undang-Undang pada 14-16 Julai 1988.
- Muhamad Endut, Hj. (1992). *Pendidikan Islam KBSM: satu kajian tentang masalah pengajaran di sekolah-sekolah menengah negeri Johor Darul Takzim*. Tesis sarjana pendidikan yang tidak diterbitkan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nasir Khalid. (1997). *Factors affecting Mathematics achievement in Malaysian schools*. Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan, Universiti Indiana.
- Nazri Hamid. (2000). *Sikap pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam di dua buah sekolah*. Tesis sarjana pendidikan yang tidak diterbitkan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Nik Rusila. (1997). *Penguasaan Jawi dan hubungannya dengan pencapaian dan minat pelajar dalam Pendidikan Islam*. Tesis sarjana pendidikan yang tidak diterbitkan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Nurhizan Bt. Abdul Wahab. (1995). *Sikap pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Inggeris dan hubungannya dengan pencapaian Bahasa Inggeris pelajar tingkatan dua di daerah Kuala Terengganu*. Tesis sarjana pendidikan yang tidak diterbitkan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Rohaty Mohd Majzub & T. Subahan Mohd. Meerah. (1993). Satu tinjauan sahsiah dan tingkah laku pendidik yang berkaitan dengan pembelajaran. *Jurnal Pendidikan*, 1993, 15, hal. 123-136.
- Sarin bin Talib. (1995). *Persepsi guru Pendidikan Islam di negeri Selangor terhadap mutu buku teks Pendidikan Islam tingkatan satu (KBSM)*. Laporan Penyelidikan untuk ijazah sarjana pendidikan yang tidak diterbitkan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Sidek Baba, Prof. Dr. (2004). Peranan sistem pendidikan dalam pembangunan keluarga Islam. *Seminar keluarga Islam, kemahiran keibubapaan dan cabaran semasa*. Anjuran IKIM di Dewan Besar IKIM, 11-12 Mei 2004.

- _____. (1997). What makes a good teacher of religious education. *Muslim Education Quarterly*. Volumme 14, Number 3, 1997. Cambridge, UK: Islamic Academy.
- Walberg, H.J. (1984). Improving the productivity of America's schools. in *Educational Leadership*, 41(8), 19-30.
- Wan Mohd. Arifin Wan Kadir. (1994). Konsep Pendidikan Menurut Perspektif Islam. *Jurnal Akademik Teknokrat*. Maktab Perguruan Teknik, Kuala Lumpur, 12, 85-104.
- Zainal Abidin Hj. Abd. Kadir, Datuk Hj. (1995). Ke arah sistem Pendidikan Islam yang lengkap dan menyeluruh seluruh negara. Kertaskerja *Kongres Pendidikan Islam Kebangsaan*, anjuran Bahagian Hal Ehwal Islam & Kerajaan Negeri Johor di Hotel Puteri Pan Pacific, Johor Baharu pada 20-22 Januari 1995.

Akhbar

- Berita Harian, 20 Ogos 2003.
- Berita Harian, 1 Januari 2004.
- Berita Harian, 11 Mac 2004.
- Berita Minggu, 25 Januari 2004.
- Mingguan Malaysia, 4 Januari 2004.
- Utusan Malaysia, 23 Januari 2004.

SOAL SELIDIK PENYELIDIKAN

ARAHAN KEPADA PELAJAR

1. Borang soal selidik ini BUKAN merupakan sebarang ujian bagi mana-mana mata pelajaran anda.
2. Soal selidik ini mengandungi DUA bahagian. Bahagian A terdiri daripada soalan mengenai maklumat peribadi anda dan Bahagian B pula mengandungi beberapa kenyataan.
3. Sila berikan jawapan dengan tepat secara jujur dan ikhlas bagi setiap soalan.
4. Segala maklumat yang diberikan adalah sulit dan akan dirahsiakan identitinya serta hanyalah untuk kegunaan penyelidikan semata-mata.
5. Berbanyak-banyak terima kasih dan setinggi penghargaan dirakamkan atas kesudian dan kerjasama yang anda berikan.

TERIMA KASIH.

Zahariah binti Aiyub,
Program Sarjana Pendidikan,
Fakulti Pendidikan,
Universiti Malaya.

No. Responden : _____
 (Kosongkan)

BORANG SOAL SELIDIK

BAHAGIAN A

Sila berikan maklumat peribadi anda dan tandakan (✓) dalam ruangan yang disediakan bagi setiap yang berkenaan.

1. Tingkatan 2 _____

2. Jantina : Lelaki Perempuan

3. Keturunan : Melayu Cina
 India Lain-lain

4. Kawasan tempat tinggal : Bandar Pinggir Bandar

5. Pekerjaan Bapa : Kerajaan
 Swasta
 Bekerja sendiri
 Sudah Bersara
 Meninggal Dunia

6. Pekerjaan Ibu : Kerajaan
 Swasta
 Bekerja sendiri
 Surirumah

7. Kelulusan akademik tertinggi bapa:

| |
|--|
| |
| |
| |
| |
| |

- Sarjana / Ph.D
- Ijazah Pertama
- STPM / Diploma
- Sekolah Menengah
- Sekolah Rendah

8. Kelulusan akademik tertinggi ibu:

| |
|--|
| |
| |
| |
| |
| |

- Sarjana / Ph.D
- Ijazah Pertama
- STPM / Diploma
- Sekolah Menengah
- Sekolah Rendah

9. Anda tinggal dengan siapa semasa bersekolah?

- Asrama
- Ibu Bapa
- Bapa
- Ibu
- Penjaga
- Lain-lain

| |
|--|
| |
| |
| |
| |
| |
| |

10. Dalam masa seminggu, kebiasaan anda dalam anggaran berapa jam anda belajar atau mengulangkaji mata pelajaran Pendidikan Islam di luar waktu persekolahan?

- 2 hingga 3 jam
- 1 hingga 2 jam
- Kurang daripada 1 jam
- Tidak belajar / mengulangkaji langsung

| |
|--|
| |
| |
| |
| |

11. Markah Pendidikan Islam anda dalam Peperiksaan Pertengahan Tahun:

- 75 % - 100%
- 50 % - 74 %
- 40 % - 49 %
- 0 % - 39 %

| |
|--|
| |
| |
| |
| |

12. Dengan siapa anda harap dapat bekerja selepas tamat belajar nanti?

- Dengan kerajaan
- Dengan Swasta
- Bekerja sendiri

| |
|--|
| |
| |
| |

BAHAGIAN B

ARAHAN: Berikut adalah pernyataan-pernyataan tentang faktor-faktor yang mempengaruhi sikap pelajar terhadap pembelajaran Pendidikan Islam. Sila tandakan (✓) pada nombor yang menjadi pilihan jawapan anda mengikut pendirian dan pandangan anda sendiri berdasarkan skala berikut:

| 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
|------------------------|-----------------|-------------|----------|------------------|
| SANGAT TIDAK SETUJU | TIDAK SETUJU | TIDAK PASTI | SETUJU | SANGAT SETUJU |

| Bil | (i) Kaedah Pengajaran dan Penyampaian Guru | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
|------------|--|----------|----------|----------|----------|----------|
| 1 | Saya berminat belajar Pendidikan Islam kerana kaedah dan teknik pengajarannya sangat menarik, kreatif dan inovatif. | | | | | |
| 2 | Guru Pendidikan Islam saya selalu mempelbagaikan kaedah pengajarannya dengan menggunakan Bahan Bantu Mengajar seperti OHP, LCD, radio dan lain-lain. | | | | | |
| 3 | Semasa mengajar, guru Pendidikan Islam saya selalu menggunakan buku teks atau menyuruh kami menyalin nota daripada papanhitam sahaja. | | | | | |
| 4 | Guru Pendidikan Islam saya selalu mengadakan aktiviti perbincangan secara berkumpulan. | | | | | |
| 5 | Gaya penyampaian guru Pendidikan Islam saya menarik kerana suara beliau tidak perlahan dan bukan satu nada sahaja. | | | | | |
| 6 | Guru Pendidikan Islam sentiasa menggalakkan kami memberikan pendapat semasa proses pengajaran dan pembelajaran. | | | | | |

| Bil | (ii) Keterampilan Guru | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
|------------|---|----------|----------|----------|----------|----------|
| 7 | Guru Pendidikan Islam saya seorang yang mahir dalam bidangnya dan mempraktikkan segala apa yang dikata atau diajarkannya. | | | | | |
| 8 | Guru Pendidikan Islam saya tidak garang, jarang berleter atau bercakap kasar. | | | | | |
| 9 | Guru Pendidikan Islam saya sering berjenaka, penyayang, mesra pelajar dan suka membantu apabila diperlukan. | | | | | |
| 10 | Guru Pendidikan Islam saya suka berinteraksi dan sering menasihati kami seperti anak-anaknya sendiri. | | | | | |

| | | | | | | |
|----|---|--|--|--|--|--|
| 11 | Guru Pendidikan Islam saya seorang yang alim dan wara' serta menjaga penampilan dirinya sama ada di dalam atau di luar kawasan sekolah. | | | | | |
| 12 | Guru Pendidikan Islam saya seorang yang sabar, berpakaian kemas dan menepati masa. | | | | | |

| Bil | (iii) Aliran / Pilihan Kerjaya Pelajar | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
|-----|--|---|---|---|---|---|
| 13 | Pembelajaran Pendidikan Islam menjadikan hidup saya cemerlang. | | | | | |
| 14 | Saya berminat belajar Pendidikan Islam walaupun saya bercita-cita untuk menjadi seorang doktor, jurutera atau akauntan. | | | | | |
| 15 | Saya berminat belajar Pendidikan Islam walaupun saya tidak bercadang untuk memasuki aliran agama. | | | | | |
| 16 | Pada pandangan saya, peluang pekerjaan bagi pelajar aliran agama agak terhad. | | | | | |
| 17 | Saya berminat belajar Pendidikan Islam walaupun saya tidak bercadang untuk menjadi ustaz / ustazah. | | | | | |
| 18 | Saya tetap berminat belajar Pendidikan Islam walaupun ibu bapa mahukan saya memasuki aliran sains atau teknologi / teknikal. | | | | | |

| Bil | (iv) Nilai Ekonomi Mata Pelajaran | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
|-----|--|---|---|---|---|---|
| 19 | Mata pelajaran Pendidikan Islam boleh menjamin masa depan saya cerah. | | | | | |
| 20 | Mata pelajaran Pendidikan Islam sama pentingnya dengan lain-lain mata pelajaran seperti Matematik, Sains dan Bahasa Inggeris. | | | | | |
| 21 | Saya terpaksa belajar Pendidikan Islam kerana ianya wajib dipelajari oleh setiap pelajar Islam. | | | | | |
| 22 | Gaji orang yang bekerja dalam bidang kejuruteraan, perakaunan atau kedoktoran adalah lebih tinggi daripada gaji orang yang bekerja dalam bidang agama. | | | | | |
| 23 | Mata pelajaran Pendidikan Islam sangat memenuhi keperluan kehidupan dan membolehkan saya mencapai cita-cita. | | | | | |

| | | | | | | |
|----|---|--|--|--|--|--|
| 24 | Mata pelajaran Pendidikan Islam agak menguntungkan daripada aspek keduniaan | | | | | |
|----|---|--|--|--|--|--|

| Bil | (v) Penggunaan Tulisan Jawi | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
|-----|--|---|---|---|---|---|
| 25 | Saya berkemahiran membaca al-Quran serta membaca dan menulis dalam tulisan jawi. | | | | | |
| 26 | Mata pelajaran Pendidikan Islam menyeronokkan walaupun proses pengajaran dan pembelajarannya menggunakan tulisan jawi. | | | | | |
| 27 | Penggunaan tulisan jawi tidak menyusahkan saya untuk belajar Pendidikan Islam. | | | | | |
| 28 | Saya tetap berminat belajar Pendidikan Islam walaupun tidak mahir membaca dan menulis jawi. | | | | | |
| 29 | Saya tidak susah untuk membuat rujukan menggunakan buku teks Pendidikan Islam walaupun ia dalam tulisan jawi. | | | | | |
| 30 | Walaupun saya tahu membaca dan menulis jawi, saya tidak berminat belajar Pendidikan Islam. | | | | | |

| Bil | (vi) Faktor Peranan dan Perhatian Ibu Bapa | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
|-----|---|---|---|---|---|---|
| 31 | Saya berminat belajar Pendidikan Islam atas galakan ibu bapa saya. | | | | | |
| 32 | Ibu bapa akan menegur atau memarahi saya jika saya mendapat markah rendah atau gagal dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. | | | | | |
| 33 | Ibu bapa saya sering menyemak dan memeriksa buku latihan Pendidikan Islam saya. | | | | | |
| 34 | Ibu bapa saya selalu mengingatkan saya supaya menunaikan solat apabila masuk waktu. | | | | | |
| 35 | Saya selalu solat berjemaah bersama ibu bapa dan keluarga saya. | | | | | |
| 36 | Saya belajar al-Quran daripada ibu bapa saya sendiri. | | | | | |

BUKU KOD SOAL SELIDIK

BAHAGIAN A

Bagi pembolehubah pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam dalam Peperiksaan Pertengahan Tahun Tingkatan 2, penyelidik telah mengekodkan pencapaian tersebut kepada tiga kumpulan seperti di bawah :

1. Kepujian dan ke atas : Gabungan 50 % -74 % dan 75 % - 100 %
2. Lulus : 40% - 49 %
3. Gagal : 0 % - 39 %

BAHAGIAN B

Skala jawapan soal selidik bagi item-item tentang faktor-faktor yang mempengaruhi sikap pelajar terhadap pembelajaran Pendidikan Islam, penyelidik telah mengekodkan semula kepada tiga skala sahaja iaitu:

1. Tidak Setuju (Gabungan Sangat Tidak Setuju dan Tidak Setuju)
2. Tidak Pasti
3. Setuju (Gabungan Setuju dan Sangat Setuju)